



# SEJARAH **SPM 2019** KERTAS 3

Disediakan Oleh: Group 123 Sejarah SPM

**Tema Umum :**

**Pembinaan Negara dan Bangsa Ke arah Kemunculan Negara**

Pembinaan negara dan bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Kejayaan pembinaan negara dan bangsa Malaysia memerlukan semangat patriotisme yang tinggi dan penyertaan menyeluruh daripada setiap anggota masyarakat supaya proses pembinaan negara menjadi lebih kukuh.



BETTER LATE THAN NEVER!!



## Prakata

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya kami dapat berkampung dan merealisasikan penerbitan modul Kertas 3 mata pelajaran sejarah SPM bertemakan Pembinaan Negara dan Bangsa Ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat sebagai persediaan semua calon menghadapi peperiksaan SPM untuk tahun 2019.

Penghasilan modul ini merupakan satu usaha murni guru-guru Group123SejSPM yang berkampung selama dua hari di Hotel Park Avenue, Sungai Petani Kedah. Modul ini diharapkan dapat membantu calon SPM bagi menduduki Peperiksaan pada 19 November 2019 nanti. Akhir kata, saya mewakili ahli Group123SejSPM ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada guru-guru sejarah yang datang dari seluruh negara yang membantu merealisasikan modul ini. Semoga modul ini memberi manfaat kepada semua calon yang menggunakannya dan sekaligus lulus dengan cemerlang dalam mata pelajaran Sejarah SPM.

Sekian.

Hanita Binti Ahmad

SMK Seri Raub, Raub Pahang

Pengasas Group123SejSPM

Oktober 2019

BIL	NAMA	SEKOLAH
1	PN HANITA BT AHMAD	SMK SERI RAUB, RAUB PAHANG
2	EN MURUGAIAH A/L SUPRAMANIAM	SMK AIR MERAH KULIM KEDAH
3	EN MOHD RUSE FARIZAL BIN ISHAK	SMK DATO BIJAYA SETIA KEDAH
4	PN NUR AFIZAN BT MOHD ZAINON	SMKA AGAMA YAN KEDAH
5	PN ZARINA BT MOHD ARIFF	SMK SAUJANA UTAMA SELANGOR
6	EN MOHD JOHARI B HASSAN	SMK JELAI (F) NEGERI SEMBILAN
7	PN NARMA BT OTHMAN	SMK SG PINANG KELANTAN
8	PN ROHANA BT ABDULLAH	SMK KEDAI BULUH KELANTAN
9	PN RODZIAH BT HARUN	SMS TENGKU MUHAMMAD FARIS PETRA KELANTAN
10	PN HAMIDAH BT GHAZALI	SMK SG KOB KULIM KEDAH
11	PN SHARIFAH RUSNAH BT SHAREH ALI	SMK SG PASIR KEDAH
12	PN NURIMAH BT ZAKARIA	SMK SG PASIR KEDAH
13	PN JURAINI BT MD DALI	SMK SG PASIR KEDAH
14	PN WAN BASTHIAH BT HJ ABDUL RAHMAN	SMK TMN INDERAWASIH PULAU PINANG
15	PN RAHIMAH BT ABDUL AKIB	SMK KUALA NERANG KEDAH
16	PN FAIZAH BT ABDUL AKIB	SMK DATUK SYED AHMAD KEDAH
17	EN MOHD RAMDZI B YASIN	SMK MAHMUD RAUB PAHANG
18	PN NIK ZAHIRA BT AB HALIM	SMK DATO LELA PAHLAWAN KEDAH
19	PN SHARILA SUHAIDA BT MOHD SARID	SMK PUCHONG PERMAI SELANGOR

**TEMA UMUM : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA KE ARAH KEMUNCULAN NEGARA  
MALAYSIA BERDAULAT**

Pembinaan negara dan bangsa amat penting bagi sesebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Kejayaan pembinaan negara dan bangsa Malaysia memerlukan semangat patriotisme yang tinggi dan penyertaan menyeluruh daripada setiap anggota masyarakat supaya pembinaan negara menjadi lebih kukuh.

**KANDUNGAN / MAKLUMAT DARIPADA BUKU TEKS**

<b>T5B3 : KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA</b>		
<b>Bab</b>	<b>Isi dan Huraian</b>	<b>m/ s</b>
<b>T5B3</b>	<b>3.1. Latar belakang pembinaan negara dan bangsa</b> (Btms 65)	<b>8</b>
<b>T5B3</b>	<b>3.1 Konsep / maksud bangsa Malaysia.</b> (Btms 65)	<b>8</b>
<b>T5B3</b>	<b>3.1.2. Ciri-ciri negara dan bangsa :</b> (Btms 73-74) (i) <b>Negara</b> (ii) <b>Kerajaan</b> (iii) <b>Bangsa</b> (iv) <b>Perlembagaan</b>	<b>9</b>
<b>T5B3</b>	<b>3.2.1. Ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.</b> (Btms 75-78)	<b>9, 10</b>
<b>T5B3</b>	<b>3.3.. Warisan Negeri-Negeri Melayu</b> (Btms 80-88) (i) <b>Johor</b> : Undang-undang Tubuh Johor (ii) <b>Kelantan</b> : Sistem Jemaah Menteri (iii) <b>Terengganu</b> : Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu (iv) <b>N9</b> : Prinsip Demokrasi dan Konsep Persekutuan	<b>11, 12, 13</b>

<b>T5B4 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA</b>		
<b>Bab</b>	<b>Isi dan Huraian</b>	<b>m/ s</b>
<b>T5B4</b>	<b>4.1.3 Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union</b> - Usaha British untuk hapuskan negara dan bangsa yang dibina sejak zaman KMM	<b>13,14</b>
<b>T5B4</b>	<b>4.2.1.Faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.</b> (Btms 103-104)	<b>14, 15</b>
<b>T5B4</b>	<b>4.2.3 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948</b> (Btms 103-104) - <b>Sebab orang Melayu terima perlembagaan tersebut</b>	<b>15</b>

<b>T5B4</b>	<b>Kejayaan orang Melayu menentang Malayan Union 1948 bagi mempertahankan negara dan bangsa yang berdaulat</b>	<b>15,16</b>
-------------	--	--------------

<b>T5B5 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA</b>		
<b>Bab</b>	<b>Isi dan Huraian</b>	<b>m/ s</b>
<b>T5B5</b>	<b>5.1. Latar belakang : Sistem Ahli.</b> (Btms 117)	<b>16,17</b>
<b>T5B5</b>	<b>5.1. Sistem Ahli :</b> (Btms 118) 5.1.1. <b>Ciri – ciri</b> Sistem Ahli 5.1.2. <b>Proses Pelaksanaan dan kepentingan</b> Sistem Ahli di Tanah Melayu.	<b>17</b>
<b>T5B5</b>	<b>5.2. Maksud Pakatan Murni</b> (Btms 119)	<b>17</b>
<b>T5B5</b>	<b>5.2.1. Pakatan Murni Pra Perikatan</b> (Btms 119-121) - <b>Usaha Pakatan Murni</b> sehingga pembentukan Perikatan.	<b>18</b>
<b>T5B5</b>	<b>5.2.2. Pelaksanaan pilihanraya di Malaysia secara kronologi (antara tahun 1952 hingga 1955) : Bandaran dan Majlis Perundangan Persekutuan 1955</b> (Btms 121-125)	<b>19</b>
<b>T5B5</b>	<b>5.2.3. Perikatan dan Pakatan Murni ke Arah kemerdekaan / Rundingan kemerdekaan bagi Tanah Melayu</b> (Btms 123-125)	<b>19</b>
<b>T5B5</b>	<b>Faktor yang membawa kemenangan kepada Parti Perikatan dalam pilihan raya 1955</b>	<b>20</b>
<b>T5B5</b>	<b>5.3. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 :</b> 5.3.1. <b>Suruhanjaya Reid (Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan 1956)</b> 5.3.2. <b>Isi- isi penting Perjanjian PTM 1957.</b> (Btms 125-128)	<b>20,21</b>
<b>T5B5</b>	<b>5.3.4. Peranan tokoh –tokoh kemerdekaan.</b> (Btms 131-132)	<b>21,22</b>

<b>T5B6 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA</b>		
<b>Bab</b>	<b>Isi dan Huraian</b>	<b>m/ s</b>
<b>T5B6</b>	<b>6.4.. Langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia.</b> (Btms 149-152)	<b>22</b>
<b>T5B6</b>	<b>6.5. Perjanjian Malaysia 1963</b> <b>6.5.1. Intipati Perjanjian Malaysia 1963.</b> (Btms 153-155)	<b>23</b>

**SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)**

**PATRIOTISME / PERPADUAN**

<b>ISI DAN HURAIAN</b>	<b>m/s</b>
<b>1. Cara kita dapat memupuk semangat patriotisme.</b> Buktikan / Jelaskan	<b>24</b>
<b>2. Kepentingan semangat patriotik</b> dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia.	<b>24,25</b>
<b>3. Perlembagaan Kemerdekaan 1957</b> dapat membantu pembinaan 5egara dan bangsa Malaysia yang merdeka.	<b>25</b>
<b>4. Semangat Pakatan Murni</b> perlu dikekalkan oleh rakyat Malaysia	<b>26</b>
<b>5. Lambang negara</b> merupakan Identiti negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat.	<b>26</b>
<b>6. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990</b> : Mempercepat pembinaan negara dan bangsa yang mantap.	<b>27</b>

**KEJAYAAN / KEPENTINGAN / FAEDAH / MANFAAT / KESAN /  
KEBAIKAN / IMPLIKASI**

<b>ISI DAN HURAIAN</b>	<b>m/s</b>
7. <b>Pakatan Murni</b> : Mempercepatkan pembinaan negara dan bangsa Malaysia.	<b>28</b>
8. <b>Kejayaan</b> pakatan murni dalam merealisasikan pembinaan negara dan bangsa Malaysia	<b>28</b>
9. Amalan <b>konsep pakatan murni</b> .	<b>29</b>
10. <b>Peranan rakyat Malaysia</b> untuk mengukuhkan pembinaan negara dan bangsa.	<b>29,30</b>
11. <b>Kesan</b> jika rakyat negara ini mengabaikan pakatan murni.	<b>30</b>
12. <b>Perpaduan</b> merupakan elemen penting <b>untuk mencapai kemerdekaan.</b>	<b>30,31</b>
13. <b>Perpaduan</b> kaum dapat <b>mengekalkan kedaulatan negara.</b>	<b>31</b>
14. <b>Suruhanjaya Reid (Suruhanjaya Perlembagaan 1956 : Peranannya</b> dalam mengukuhkan pembinaan negara dan bangsa yang merdeka	<b>31</b>
15. <b>Kejayaan yang dinikmati oleh Malaysia</b> sebagai sebuah negara dan bangsa yang berdaulat	<b>32</b>
16. <b>Prinsip perlembagaan Kemerdekaan 1957</b> dapat membantu pembinaan negara dan bangsa Malaysia	<b>32,33</b>

## CABARAN / KEKANGAN / TINDAKAN / LANGKAH / USAHA

ISI DAN HURAIAN	m/s
17. <b><u>Cabaran dan langkah</u></b> : Membina negara dan bangsa yang berdaulat.	33
18. <b><u>Cabaran</u></b> : Melahirkan bangsa Malaysia yang maju	34
19. <b><u>Langkah / Usaha</u></b> : Melahirkan bangsa Malaysia yang maju	34,35
20. <b><u>Cabaran dan langkah</u></b> : Membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu.	35
21. <b><u>Ancaman dan Langkah</u></b> : Mengatasi keruntuhan perpaduan kaum :	35, 36
22. <b><u>Usaha</u></b> : Berterusan membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu	37
23. <b><u>Cabaran dan langkah</u></b> : Untuk menggalakan penyertaan seluruh anggota masyarakat dalam proses pembinaan negara dan bangsa yang kukuh	38,39
24. <b><u>Cabaran dan langkah</u></b> : Memastikan prinsip-prinsip PTM 1957 terus dipertahankan.	39
25. <b><u>Cabaran dan langkah</u></b> : Pembentukan pakatan murni hingga hari ini.	40
26. <b><u>Cabaran dan langkah</u></b> : Dalam membina negara dan bangsa yang berdaulat	41,42
27. <b><u>(i) Cabaran</u></b> : Mengekalkan semangat Pakatan Murni pada hari ini <b><u>(ii) Usaha / Langkah</u></b> : Menyemai semangat pakatan Murni pada hari ini	42

### IKTIBAR / PENGAJARAN (Rujuk pada soalan)

ISI DAN HURAIAN	m/s
28. T5 Bab 3: Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa.	43
29. T5 Bab 4: Pembinaan Negara dan Bangsa Malaysia.	43
30. T5 Bab 5: Pembinaan Negara dan Bangsa yang Merdeka.	44
31. T5 Bab 6: Pengukuhan Negara dan Bangsa Malaysia.	44
32. Jelaskan iktibar daripada Pakatan Murni antara kaum sebelum mencapai kemerdekaan negara	45

### KESIMPULAN / RUMUSAN (Rujuk pada soalan)

RUMUSAN	m/s
Pengetahuan, Nilai dan Harapan	45

## KANDUNGAN / MAKLUMAT DARIPADA BUKU TEKS

T5B3	3.1. Latar belakang pembinaan negara dan bangsa	(Btms 65)
------	---	-----------

Sistem politik masyarakat Melayu tradisional **berbeza** daripada sistem politik negara moden. **Kerajaan muncul kerana adanya raja. Kedudukan raja begitu tinggi dan istimewa dalam sesebuah kerajaan. Raja bertanggungjawab memberikan perlindungan politik dan menjamin keselamatan rakyat yang mendiami wilayahnya.** Sebagai balasan **rakyat yang mendiami wilayah yang diperintah oleh raja akan menerima dan mengakui kekuasaan raja. Kesetiaan rakyat terhadap raja menentukan sempadan kerajaan atau wilayah yang diperintah oleh raja. Kerajaan yang kuat akan menakluk atau menaungi kerajaan yang lemah** untuk mengembangkan empayarnya. Contohnya, Kesultanan Melayu Melaka mempunyai banyak negeri taklukan dan naungan. **[5 markah]**

Penjajahan oleh kuasa Barat telah **mengubah konsep kerajaan dan negeri masyarakat Melayu tradisional.** Bagi masyarakat Melayu tradisional **negeri bererti kawasan, misalnya negeri Larut, negeri Bernam dan negeri Krian.** Dalam perjanjian antara sesebuah kerajaan Melayu dengan kuasa asing, **keseluruhan kerajaan telah disebutkan sebagai negeri dengan segala jajahan takluknya.** **[3 markah]**

Setelah British campur tangan di Semenanjung Tanah Melayu, **British merujuk kerajaan Melayu sebagai negeri.** British telah **menetapkan sempadan setiap kerajaan.** Konsep kerajaan beransur luput dan **digantikan dengan konsep negeri.** Pengenalan gagasan **Malayan Union pada tahun 1946 di Tanah Melayu oleh British untuk membina sebuah negara dan bangsa yang moden telah ditentang oleh orang Melayu.** **[3 markah]**

Penubuhan **Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 telah menggabungkan semua Negeri Melayu dalam sebuah pentadbiran pusat,** Pada tahun 1957, **British memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu** lantas menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara baharu yang merdeka. **Persetujuan negeri Sarawak dan Sabah untuk bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu telah mewujudkan negara Malaysia yang berdaulat.** **[3 markah]**

T5B3	3.1 Konsep / maksud bangsa Malaysia.	(Btms 65)
------	--------------------------------------	-----------

Konsep bangsa merujuk kepada **sekumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan** atau dengan kata lain **warganegara sesebuah negara.** Konsep bangsa **Malaysia merupakan konsep baharu bagi rakyat berbilang kaum di negara ini.** **[3 markah]**

Apabila **Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957 dan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963,** maka, **lahirlah negara dan bangsa Malaysia.** Bangsa Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum yang berlainan bahasa, budaya, kepercayaan dan pendapat terhadap keduniaan. Bangsa Malaysia telah dibentuk melalui penggunaan satu bahasa kebangsaan serta **pengamalan kebudayaan kebangsaan dan Rukun Negara dalam setiap bidang kehidupan.** Pembentukan bangsa Malaysia merupakan hasil **perjuangan kemerdekaan, pengisian kemerdekaan dan pengejalan kemerdekaan.** **[5 markah]**

<b>T5B3</b>	<b>3.1.2. Ciri-ciri negara dan bangsa</b> (i) <b>Negara</b> (ii) <b>Kerajaan</b> (iii) <b>Bangsa</b> (iv) <b>Perlembagaan</b>	(Btms 73-74)
-------------	---	--------------

**T5B3 : Ciri-ciri negara dan bangsa : [Bt ms 73 - 74]**

**Negara** ialah wilayah yang mempunyai penduduk, sempadan dan pemerintah yang berwibawa. Negara Malaysia terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Negara merujuk kepada institusi pemerintahan yang tersusun yang bertanggungjawab membuat dan melaksanakan keputusan politik serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kerajaan. **[5 markah]**

**Bangsa** merujuk kepada sekumpulan manusia yang mendiami sesebuah wilayah serta yang mempunyai persamaan daripada segi bahasa, adat resam, kesenian, dan pengalaman sejarah. Idea bangsa kini sering digunakan oleh negara kita untuk melahirkan perasaan bersatu padu dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum demi membentuk bangsa Malaysia yang kukuh. **[5 markah]**

**Kerajaan** ialah institusi pemerintah yang bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar sesebuah negara. Kerajaan atau institusi pemerintah ini merangkumi semua badan yang membuat, mentafsir dan melaksanakan dasar-dasar tersebut. Kerajaan juga bertindak sebagai pengaman dan penentu arah kehidupan masyarakat sesebuah negara. Kerajaan di negara kita merujuk kepada tiga badan dalam pemerintahan, iaitu Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman. **[5 markah]**

**Perlembagaan** merupakan peraturan tertinggi sama ada bertulis atau tidak bertulis yang menjadi rujukan dan panduan bagi mentadbir dan memerintah sebuah negara. Di Malaysia, perlembagaan merupakan peraturan bertulis tertinggi yang didokumenkan dan dijadikan rujukan untuk mentadbir negara. Perlembagaan bertujuan memberikan jaminan perlindungan kepada rakyat negara ini. **[5 markah]**

<b>T5B3</b>	<b>3.2.1. Ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka (KMM)</b> (Btms 75-78)
-------------	--

**Wilayah Pengaruh** iaitu kawasan tempat tinggal rakyat dan sempadannya diterima umum. Wilayah pengaruh merujuk kepada kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai kawasan lingkungan pengaruh yang luas walaupun sempadannya tidak ditetapkan seperti sempadan negara moden. Empayarnya meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh timur Sumatera **[5 markah]**

**Kedaulatan** merupakan kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah dan kekuasaan ini tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak. Ia juga merujuk kekuasaan yang dimiliki oleh sesebuah negara atau pemerintah. Negara atau pemerintah boleh menggunakan segala kuasa yang dimilikinya untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang. Ini bermakna negara berkenaan mempunyai hak mutlak terhadap rakyatnya. Kedaulatan memastikan sesebuah negara bebas daripada campur tangan, paksaan, taklukan atau penjajahan kuasa asing. **[5 markah]**

**Lambang Negara** menjadi simbol atau tanda yang menjadi identiti sesebuah negara. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan lambang penyatuan negara dan bangsa. Sistem pemerintahan beraja, adat istiadat Melayu, Bahasa Melayu dan agama Islam merupakan warisan yang dikekalkan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga kini. Lambang lain yang turut mempunyai persamaan ialah daripada segi penggunaan alat regalia, nobat, warna, bahasa, undang-undang, protokol dan adat istiadat istana.

[5 markah]

**Penguatkuasaan Undang-undang** merupakan cara formal untuk mengawal masyarakat melalui peraturan yang telah diwartakan. Undang-undang dicipta untuk memelihara keamanan dan melindungi rakyat. Sama ada Kesultanan Melayu Melaka atau negara bangsa moden kini mempunyai undang-undang yang diguna pakai untuk membentuk negara yang terkawal. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, undang-undang yang dikuatkuasakan ialah bersumberkan undang-undang bertulis iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

[5 markah]

**Hukum Kanun Melaka** mengandungi 44 fasal yang menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar serta pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat. Ia juga menyatakan hukuman terhadap kesalahan jenayah awam, undang-undang keluarga dan sebagainya. Undang-Undang Laut Melaka pula memperuntukkan perkara yang berkaitan dengan tatacara pelayaran di laut seperti bidang kuasa nakhoda kapal. Negara bangsa moden hari ini juga mempunyai sistem perundangan yang bertulis bagi menjadi panduan dalam menguatkuasakan undang-undang seperti penggubalan Perlembagaan.

[5 markah]

**Rakyat** merupakan seluruh penduduk bagi sesebuah wilayah dan mereka ini terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan dalam wilayah tersebut. Rakyat sama ada pada zaman Kesultanan Melayu Melaka atau negara bangsa moden hari ini bertanggungjawab untuk mentaati raja dan pemerintah. Ketaatan ini menyebabkan rakyat bersedia mempertahankan negara, menghadiri adat istiadat kerajaan, mengadakan gotong-royong, kerahan tenaga dan sebagainya

[4 markah]

**Kerajaan** merupakan badan yang diberikan kuasa untuk menguruskan pentadbiran, menjaga keamanan, mempertahankan kedaulatan negara dan menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka kerajaan wujud apabila adanya raja. Raja merupakan pemerintah tertinggi yang dibantu oleh Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Mereka menjadi tonggak institusi kerajaan yang memerintah dan diberi portfolio mengikut bidang tugas masing-masing iaitu di istana, di darat, di laut, di sekitar Melaka dan di jajahan takluk Melaka. Sistem Pembesar Empat Lipatan menjamin kesentosaan sistem pemerintahan beraja dan kerajaan di Melaka.

[5 markah]

<b>T5B3</b>	<b>3.3. Warisan Negeri – negeri Melayu :</b> (Btms 80-88)
	(i) <b>Johor</b> : Undang-undang Tubuh Johor
	(ii) <b>Kelantan</b> : Sistem jemaah menteri
	(iii) <b>Terengganu</b> : Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu
	(iv) <b>N9</b> : Prinsip demokrasi dan konsep persekutuan

### Warisan Negeri-Negeri Melayu [Bt ms 80]

Sistem pemerintahan Negeri-Negeri Melayu seperti **Johor, Perak dan Pahang** berdasarkan sistem pemerintahan **Kesultanan Melayu Melaya**. Selain itu, warisan **Kesultanan Melayu Melaka** seperti **adat istiadat Melayu, agama Islam dan bahasa Melayu, berkembang di negeri-negeri tersebut**. Kerajaan ini diasaskan oleh kerabat diraja Melaka. Semua pemerintah negeri tersebut menggunakan gelaran **Sultan** pada awal nama masing-masing. **Sistem perwarisan takhta** di negeri tersebut mementingkan jurai keturunan sebelah bapa. Menurut sistem ini, **putera sulung sultan dengan permaisurinya berpeluang mewarisi takhta kerajaan**. Sekiranya **sultan tidak mempunyai putera, adik lelaki sultan boleh mewarisi takhta tersebut**. Kerajaan-kerajaan ini mengamalkan **sistem pembesar empat lipatan**. Perbezaan hanya pada **gelaran pembesarnya**. [7 markah]

### Johor : Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor [Bt ms 80 - 82]

Ciri asas pembinaan negara dan bangsa ialah adanya **perlembagaan bertulis**. **Pengasas** Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor ialah **Sultan Abu Bakar**. Undang-undang bertulis ini **berkuat kuasa pada 1895**. Kandungan perlembagaan ini **menerangkan berkaitan keturunan Sultan sebagai pewaris**. Selain itu, **pengiktirafan orang Melayu sebagai rakyat Johor**. Seterusnya menerima **agama Islam sebagai agama negeri**. Mengikut Undang-undang Tubuh Negeri Johor, **Raja hendaklah berbangsa Melayu, lelaki, beragama Islam dan merupakan waris pemerintah Johor**. Raja, Menteri dan Jemaah Pemangku Negeri **dilarang menyerahkan negeri kepada kuasa atau kerajaan lain**. Raja berhak memilih **Menteri Besar**. Manakala, **jawatan Naib Menteri Besar ditentukan oleh Jemaah Menteri dengan perkenan Raja**. [7 markah]

Dalam **Perlembagaan Johor 1895**, **Majlis Mesyuarat Kerajaan** dibahagikan kepada dua iaitu **Majlis Negeri yang mempunyai kuasa perundangan dan Jemaah Menteri yang mempunyai kuasa pelaksanaan**. **Majlis Negeri dipengerusikan oleh Menteri Besar sebagai Yang Dipertua dan berfungsi membantu Raja dan Jemaah Menteri dalam mentadbir dan rakyat seperti yang termaktub dalam fasal 49 perlembagaan berkenaan**. **Jemaah menteri terdiri daripada lapan hingga dua belas orang pegawai kanan kerajaan yang menjadi ahli Majlis Negeri**. Mereka ini **berbangsa Melayu, beragama Islam dan merupakan rakyat Johor**. Semua yang dilantik perlu **mengangkat sumpah dan memberi taat setia kepada Raja serta kerajaan Johor**. [7 markah]

**Kepentingan perlembagaan Johor** ialah dapat **membentuk kerajaan bercorak demokrasi bagi menggantikan pemerintahan beraja berkuasa mutlak**. Selain itu, berjaya **memantapkan sistem pentadbiran Johor**. Seterusnya, dapat **menghalang rancangan British menguasai negeri Johor** [3 markah]

### Kelantan : Sistem Jemaah Menteri [Bt ms 82 - 84]

**Sistem Jemaah Menteri** ini telah diamalkan sejak pemerintahan **Sultan Muhammad I (1801-1836)**. Selepas itu, **Sultan Muhammad II (1836-1886)** menyambung dan membentuk **Sistem Jemaah Menteri** mengikut perancangan baginda bagi melicinkan lagi pentadbiran negeri Kelantan. Baginda telah menyingkirkan kerabat diraja yang terlibat dalam pertikaian merebut kuasa dan menggantikannya dengan golongan pembesar yang bergelar **Nik dan Wan**. Golongan ini telah membantu mengukuhkan kewibawaan **Sultan Muhammad II** dengan memberikan taat setia kepada baginda. Di bawah pemerintahan **Sultan Muhammad II**, baginda membentuk **8 badan Jemaah Menteri** dengan bidang kuasa berbeza, setiap satunya dianggotai oleh **4 orang pembesar**. [7 markah]

**Penstrukturan Sistem Jemaah Menteri Kelantan** dilaksanakan melalui pembentukan **Jemaah Penasihat Raja** yang berperanan dalam menguruskan perkara dan urusan penting yang bukan rahsia. Manakala, **Jemaah Menteri Istana** akan menguruskan istiadat diraja dan istiadat rasmi di seluruh negeri Kelantan. Selain itu, adanya **Jemaah Menteri Keadilan dan Kehakiman** yang mengendalikan urusan penting tentang keadilan dan Kehakiman. Seterusnya, **Jemaah Menteri Dalam Negeri** bertugas menjaga keamanan negeri. Penubuhan **Jemaah Menteri Luar** pula berperanan untuk menguruskan dasar dan hal ehwal luar negeri. Seterusnya, **Jemaah Menteri Perbendaharaan** diwujudkan bagi mengendalikan harta benda dan hasil mahsul. **Jemaah Menteri Peperangan** pula bertanggungjawab bagi menguruskan pertahanan dan keamanan negeri. Akhir sekali, **Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimarah Negeri** akan menguruskan kemajuan dan pembangunan negeri. [7 markah]

### Terengganu : Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu (Ittiqan-Ilmuluk Bi' ta'dil Il-Suluk) [Bt ms 84 - 86]

Pengasas Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu ialah **Sultan Zainal Abidin III** yang memerintah Terengganu dari tahun 1881 hingga 1918. Pada 1911, baginda meluluskan **Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu** yang dikenali sebagai **ITTIQAN-ILMULUK BI'TA'DIL IL-SULUK** yang bermaksud keyakinan kepada pemerintah yang berdasarkan keadilan. Perlembagaan ini turut berasaskan **Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895**. Tujuan **Sultan Zainal Abidin III** memperkenalkan perlembagaan ini adalah untuk menghalang **British** meluaskan kuasanya di Terengganu. Kandungan perlembagaan bertulis ini masih mengekalkan amalan sistem monarki dengan memberi keistimewaan kepada agama Islam sebagai agama negeri. [7 markah]

Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu juga mengandungi fasal antaranya berkaitan pelantikan **Raja**, syarat menjadi **Raja**, waris takhta, tertib **Raja**, zuriat **Raja** dan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**. Perlembagaan ini turut menyenaraikan empat syarat menjadi **Raja** iaitu mestilah berbangsa **Melayu**, lelaki, beragama **Islam** serta merupakan waris **Sultan** pemerintah Terengganu. [4 markah]

Pemerintahan beraja di Terengganu ialah bercorak **Raja Berperlembagaan**. Pemerintah Terengganu mesti beragama **Islam**, berbangsa **Melayu**, lelaki dan merupakan waris **Sultan** yang memerintah Terengganu. Dalam melaksanakan pemerintahan, **Sultan** dibantu oleh **Majlis Mesyuarat Kerajaan** dan **Jemaah Menteri**. Mereka yang menganggotai **Mesyuarat Kerajaan** mestilah beragama **Islam**, berbangsa **Melayu**, rakyat Terengganu serta mengaku taat setia kepada **Sultan** dan **Raja**. **Majlis Mesyuarat Kerajaan** diketui oleh **Menteri Besar** yang dilantik oleh **Sultan**. **Jemaah Menteri** pula berhak memilih **Naib Menteri Besar** dengan perkenan **Raja**. [7 markah]

Perlembagaan Terengganu menjelaskan **bidang tugas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri** iaitu **membantu Sultan mentadbir negeri Terengganu** . Selain itu, **menggubal undang-undang dan peraturan negeri**. Turut berperanan **menjaga kebajikan rakyat**. Juga perlu **menjaga keamanan negeri**. Seterusnya, **menjalin hubungan persahabatan dengan negeri lain**. **Kepentingan perlembagaan Terengganu ialah dapat menjamin sistem pentadbiran yang berkesan**. Selain itu, **dapat menggambarkan kebijaksanaan pemerintah Terengganu dalam mentadbir negeri**. Seterusnya, **meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dan sebagai benteng mempertahankan kedaulatan negeri**. [7 markah]

**Negeri Sembilan : Prinsip Demokrasi dan Konsep Persekutuan** [Bt ms 87 - 89]

Negeri Sembilan terdiri daripada **sembilan negeri iaitu Sungai Ujung, Rembau, Johol, Jelebu, Jempol, Seri Menanti, Inas, Terachi dan Gunung Pasir**. Pada abad ke-18, Negeri Sembilan telahpun mempunyai rajanya sendiri iaitu **Raja Melewar dengan gelaran Yam Tuan Besar**. Negeri Sembilan merupakan **negeri Melayu pertama yang bentuknya mirip Persekutuan sebelum terbentuknya Negeri-negeri Melayu Bersekutu**. [4 markah]

Negeri Sembilan mengamalkan **sistem pemerintahan berasaskan Adat Perpatih** iaitu 'kedaulatan berada di tangan rakyat'. Mengikut hierarki Adat Perpatih , **pelantikan pemimpin dibuat daripada peringkat paling bawah iaitu anak buah**. Diikuti oleh **buapak** , kemudian **Lembaga**, seterusnya **Undang yang kemudiannya melantik Yang Dipertuan Besar**. Unsur demokrasi dalam sistem pemilihan pemimpin di Negeri Sembilan dapat dilihat melalui **pembahagian kepada 4 daerah atau jajahan yang disebut Luak Rembau, Luak Sungai Ujung, Luak Jelebu dan Luak Johol**. **Ketua setiap luak ialah Undang dan mereka dipilih oleh Lembaga**. **Undang dipertanggungjawabkan melantik Yang Dipertuan Besar**. **Lembaga pula dipilih oleh Buapak**. [7 markah]

**Lembaga merupakan Ketua Suku dan bertanggungjawab terhadap suku masing-masing**. **Buapak merupakan Ketua Perut**. **Setiap anggota Perut dikenali sebagai Anak Buah**. **Buapak menjadi tempat rujukan bagi setiap masalah khususnya yang berkaitan dengan adat**. Sistem ini tidak mengamalkan **kuasa mutlak tetapi mengagihkan kuasa kepada individu mengikut peringkat**. Ini menunjukkan bahawa **sistem pemilihan pemimpin Negeri Sembilan mempunyai unsur demokrasi**. Sistem pemerintahannya telah melahirkan **peraturan hidup seperti kepentingan bersama, semangat bergotong-royong, permuafakatan dan sikap saling menghormati antara satu sama lain**. Sistem ini lebih mementingkan **permuafakatan dan semangat kerjasama antara suku semasa memilih pemimpin**. [7 markah]

<b>T5B4</b>	<b>4.1.3. Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union</b> - Usaha British untuk <b>hapuskan negara dan bangsa</b> yang dibina sejak zaman KMM (Btms 103-104)
-------------	---

Pengenalan Malayan Union oleh British adalah **bertujuan mengukuhkan kedudukan politik penjajah**. British mahu **memerintah secara langsung Tanah Melayu**. Hal ini terbukti, apabila British mewujudkan sebuah kesatuan yang **dikuasai oleh sebuah pemerintahan pusat yang kuat**. **Pentadbiran Malayan Union terletak terus kepada Parlimen British di London**. Konsep pentadbiran baru ini **menolak tradisi dan sistem politik Melayu**. **Pentadbiran yang berpusat dibawah penjajahan British bertentangan dengan dasar perlindungan yang diamalkan sebelum ini**. Gagasan Malayan Union telah **menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahannya**. Tindakan ini membuktikan usaha British untuk **menghapuskan negara dan bangsa yang telah dibina sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka**. [6 markah]

Di bawah gagasan Malayan Union, seorang **gabenor British dilantik oleh Baginda Ratu England** untuk mengetuai Malayan Union. Raja raja Melayu hanya menjadi ahli **Majlis Raja-raja Melayu tanpa sebarang kuasa**. Kesannya, berlakulah **penghakisan kuasa Raja raja Melayu**. Raja Melayu juga hilang kedudukan sebagai ketua orang Melayu. Malahan dalam soal agama, biarpun mereka masih membincangkan soal agama Islam tetapi **zakat fitrah diurus atas nama Gabenor Malayan Union**. Terbukti, Malayan Union satu tindakan British **menghakiskan kuasa raja raja Melayu yang menjadi sebahagian identiti negara dan bangsa Melayu**. [5 markah]

Perjanjian Malayan Union **telah menawarkan kewarganegaraan sama rata** dengan prinsip jus soli kepada golongan imigran. Pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang dagang **mengancam status quo orang Melayu** sebagai penduduk peribumi. Jumlah **orang Melayu akan menjadi semakin kecil** dengan kemasukan orang dagang yang terbuka. Ini sudah pasti menjadikan **orang Melayu menjadi kumpulan minoriti dan hilang kuasa politik di negaranya sendiri**. [4 markah]

Pengenalan Malayan Union **merupakan penjajahan mutlak British** terhadap Tanah Melayu. Pengenalan Malayan Union selepas PD 2 merupakan usaha untuk menghapuskan negara dan bangsa yang telah dibina sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka secara terancang oleh penjajah British. [2 markah]

<b>T5B4</b>	<b>4.2.1.Faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.</b> (Btms 103-104)
-------------	---

**Ketegasan Orang Melayu Membantah Malayan Union** yang dipimpin oleh **Dato' Onn Ja'afar**. **Perpaduan dalam kalangan orang Melayu** yang terdiri daripada golongan raja dan rakyat telah dapat mengatasi pihak lain yang menyokong Malayan Union. **Keupayaan orang Melayu memujuk dan mendesak British** telah menghidupkan semula **dasar perlindungan** telah membantu mereka menolak Malayan Union. [4 markah]

**Sokongan Bekas Pegawai British** yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua juga mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Antara mereka termasuklah Sir Frank Swettenham, Sir R.O. Winstedt, Sir George Maxwell dan Sir Cecil Clementi. Mereka menolak dasar penaklukan ke atas Tanah Melayu. [4 markah]

**Sokongan Pegawai Tinggi British** seperti Sir Malcolm MacDonald, Sir Edward Gent dan L.D.Gammans telah **membantu orang tempatan** menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu. [2 markah]

**Sikap Politik Orang Melayu Yang Sederhana** telah **mendorong British menerima kehendak mereka**. Orang Melayu hanya **menulis dalam akhbar, berdemonstrasi, berkongres dan memujuk Raja-Raja Melayu** untuk menyokong penentangan terhadap British. Mereka **tidak mengangkat senjata** seperti Parti Komunis Malaya (PKM). **British memilih UMNO dan Raja-Raja Melayu** kerana kedua-duanya hanya **menuntut rundingan** untuk menolak Malayan Union. Mereka **tidak menuntut kemerdekaan** daripada British. Faktor inilah yang menyebabkan British menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. **British juga bimbang orang Melayu akan dipengaruhi oleh gerakan politik Indonesia** yang dikuasai oleh golongan radikal seperti PKMM, API, AWAS dan BATAS. [7 markah]

**Piagam Atlantik 1945** yang dikeluarkan oleh **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu** ini **tidak menggalakkan penjajahan baru**, sebaliknya, meminta **negara-negara kolonial memberikan latihan berkerajaan sendiri** kepada penduduk tempatan. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu merupakan satu langkah yang sesuai ke arah mencapai hasrat PBB tersebut. **[4 markah]**

<b>T5B4</b>	<b>4.2.3 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948</b> <b>- Sebab orang Melayu terima perlembagaan tersebut</b>	(Btms 106-108)
-------------	---	----------------

Orang melayu telah menerima perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah kerana ia adalah satu usaha **kearah berkerajaan sendiri dan seterusnya memberi kemerdekaan** kepada PTM. Sebuah **Kerajaan Persekutuan yang kuat** akan dibentuk dan **pemberian autonomi** kepada negeri dalam bidang tertentu. Berlaku **pemisahan kuasa** antara Persekutuan dan Senarai Negari Selain itu, konsep **Raja Berperlembagaan** diamalkan. **Kuasa dan kedudukan** Raja-raja Melayu telah dikembalikan semula dan kedudukan **hak istimewa** orang Melayu dilindungi. **[5 markah]**

Raja-raja melayu juga menerima **prinsip kerakyatan jus soli** dengan syarat orang bukan melayu mengiktiraf **kedudukan istimewa** orang Melayu dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. **Tiga jenis kerakyatan** diperkenalkan iaitu secara kuat kuasa **undang-undang, permohonan dan Natrulisasi**. **Tanah simpanan** melayu juga perlu dikekalkan. Kedudukan **agama Islam** sebagai agama rasmi persekutuan dan **Bahasa Melayu** pula sebagai bahasa kebangsaan negara juga perlu dihormati. **[5 markah]**

**Kejayaan orang Melayu menentang Malayan Union bagi mempertahankan negara dan angsa yang berdaulat** **[10 markah]**

**Kejayaan Pertama** adalah kebangkitan orang Melayu. Orang Melayu telah menentang Malayan Union dengan **mengadakan demonstrasi** secara besar besaran. Biarpun gerakan demonstrasi dilakukan secara aman tetapi ia membuktikan kebangkitan orang-orang Melayu seluruh negara. Contohnya, **demonstrasi di Kota Baharu, Kelantan dan Alor Setar, Kedah** Kebangkitan orang Melayu turut terbukti apabila mereka **mengadakan rapat umum** di setiap Bandar besar. Orang Melayu **menunjukkan bantahan mereka kepada ahli-ahli Parlimen British** iaitu L.D.Gammans dan David Rees Willaiams. Demonstrasi dan rapat umum yang diadakan di seluruh negara membuktikan kebangkitan kesedaran politik yang menyeluruh dalam kalangan orang Melayu. **[4 markah]**

**Kejayaan Kedua** ialah **penyatuan Melayu semua lapisan masyarakat** sama ada raja, pemimpin dan rakyat biasa adalah kejayaan awal dalam kalangan orang Melayu untuk mempertahankan negara dan bangsa berdaulat. **Raja raja Melayu turut berkumpul di Kuala Kangsar** untuk menyatakan bantahan mereka. **Golongan intelektual Melayu telah bergabung tenaga** bersama pemerintah. Sultan-sultan Tanah Melayu juga telah terpengaruh oleh perasaan anti Malayan Union yang dianjurkan oleh pegawai-pegawai Melayu dan rakyat Melayu. ini mengheret **Baginda sultan untuk membantah secara terbuka** terhadap cara yang digunakan oleh MacMichael untuk memperoleh tandatangan baginda-baginda untuk perjanjian baru itu. **Sultan-sultan tersebut menolak rancangan Malayan Union** dan cadangan untuk menghantar satu perwakilan ke London untuk memansuhkan rancangan itu telah disuarakan. **[5 markah]**

**Kejayaan ketiga ialah penubuhan UMNO.** Orang Melayu juga **menghidupkan semula persatuan persatuan** untuk menentang Malayan Union. Persatuan persatuan Melayu yang sebelum ini menuntut kemajuan sosio ekonomi bangsanya mula **membangkitkan isu politik dan persoalan hak kedaulatan negara dan kedudukan bangsanya.** Contohnya, Pada 23 Januari 1946 Dato Onn Ja'afar menyeru **orang Melayu berkongres** dan **menubuhkan United Malays Organization ( UMO)** sebagai benteng menentang Malayan Union. Kongress Melayu berikut pada 1-4 Mac 1946 bertempat Kelab Sultan Sulaiman telah dihadiri oleh 41 buah persatuan. Kongres ini telah bersetuju **penubuhan UMNO untuk menentang Malayan Union.** Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union telah membawa **penubuhan pertubuhan Melayu bersifat politik** dan kesedaran penyatuan bangsa Melayu demi mempertahankan negara dan bangsa berdaulat **[6 markah]**

**Kejayaan keempat ialah pembubaran Malayan Union.** Kesan daripada ketegasan dan perpaduan orang Melayu British akhirnya tunduk dan **bersetuju mengadakan rundingan dengan raja raja Melayu dan UMNO.** Desakan orang Melayu membentuk **sistem politik dan pentadbiran yang melindungi** negara dan bangsa yang berdaulat diterima oleh British. **Malayan Union berjaya dibubarkan.** British telah **menubuhkan sebuah Jawatankuasa Eksekutif** terdiri daripada wakil wakil raja raja Melayu dan pemimpin UMNO. Orang Melayu menuntut **dasar perlindungan terhadap negeri negeri Melayu dan orang Melayu** dipulihkan. Mereka juga **menuntut supaya kedudukan raja raja Melayu sebagai ketua negeri negeri Melayu diakui semula.** British menerima tuntutan orang Melayu. **Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948** adalah bukti kejayaan kebangkitan orang Melayu. **[6 markah]**

Kesimpulannya, tindakan yang kemas telah dilancarkan melalui UMNO. Negeri-negeri Melayu yang selama ini terpisah dan tidak bersatu telah bangun bersama-sama, malahan sultan-sultan negeri-negeri Melayu juga turut bersama-sama bergabung dengan rakyat Melayu untuk menentang Malayan Union. Satu perkara yang tidak pernah terjadi di Tanah Melayu sebelumnya. Terbukti, penentangan terhadap Malayan Union adalah kejayaan awal dalam kalangan orang Melayu untuk mempertahankan negara dan bangsa berdaulat **[6 markah]**

<b>T5B5</b>	<b>5.1. Latar belakang : Sistem Ahli.</b>	<b>(Btms 117)</b>
-------------	---	-------------------

**Sistem Ahli** bermaksud **sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain** untuk **menerajui pentadbiran Tanah Melayu** iaitu selaras dengan hasrat British untuk menjalankan **proses dekolonisasi.** British berpendapat bahawa **Sistem Ahli akan mengurangkan tekanan daripada Parti Komunis Malaya.** Sistem Ahli merupakan **tapak asas** untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. **[5 markah]**

**Idea penubuhannya dicetuskan oleh Dato' Onn Jaafar** dalam **perbincangannya dengan Sir Henry Gurney.** Sir Henry Gurney **mencangkan agar model Rhodesia Utara dan Kenya** dilaksanakan di Tanah Melayu. Cadangan ini **selaras dengan kehendak Bristih untuk menjalankan dasar dekolonisasi.** Sistem Ahli ini dianggap akan mengurangkan tekanan daripada pihak **Parti Komunis Malaya [PKM].** **[4 markah]**

**Sistem Ahli ini dibincangkan dan dipersetujui** dalam mesyuarat **Majlis Raja-raja Melayu** pada bulan Februari 1950. **Rundingan pihak British dengan wakil Tanah Melayu telah diadakan pada bulan Julai 1950 di King House, Kuala Lumpur.** Sir Henry Gurney telah menjemput **Dato Onn Jaafar [yang Dipertua UMNO] Dato' Hamzah Abdullah** (Menteri

Besar Selangor), **Raja Uda dan Dato Nik Ahmed Kamil** yang mewakili UMNO dan orang Melayu. **Dato' E.E.C Thuraisingam** mewakili kaum India serta **En Yong Shook Lin dan Dr Lee Tiang Keng** mewakili masyarakat Cina. **[7 markah]**

<b>T5B5</b>	<b>5.1. Sistem Ahli :</b> <b>5.1.1. Ciri – ciri Sistem Ahli</b> <b>5.1.2. Proses Pelaksanaan Sistem Ahli di Tanah Melayu.</b>	<b>(Btms 117-119)</b>
-------------	---	-----------------------

**5.1.1. Ciri-ciri Sistem Ahli** [Bt ms 117-118]

Sistem ahli dilaksanakan dari bulan **Januari 1951 hingga bulan Jun 1955**, iaitu sebelum pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dijalankan pada bulan Julai 1955. Ciri-ciri Sistem Ahli ialah **satu sistem kabinet bayangan** yang terdiri daripada **beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat untuk memegang jawatan yang dibentuk.** **[3 markah]**

**Anggota** Sistem Ahli dikenali sebagai **Ahli**. Contohnya, **Ahli Hal Ehwal dalam Negeri. Pelantikan Ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British** dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu. **[2 markah]**

Ahlinya terdiri daripada **sembilan orang anggota**, iaitu **lima orang penduduk Tanah Melayu dan empat orang pegawai Inggeris**. Daripada lima orang penduduk Tanah Melayu, **tiga daripadanya merupakan orang Melayu, orang Cina dan orang India**. Ahli-ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British. **[5 markah]**

**5.1.2. Proses Pelaksanaan Sistem Ahli dan Kepentingannya** [Bt ms 118-119]

Proses pelaksanaan Sistem Ahli ialah Ahli yang dilantik **bertugas menjaga satu portfolio dan menguruskan pentadbiran harian jabatan. Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya** untuk dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Dalam menyediakan cadangan undang-undang itu, **Ahli akan berbincang dengan pegawai kanan British** untuk mendapatkan persetujuan bersama. **Pesuruhjaya Tinggi juga memberikan arahan dan persetujuan** dalam perkara tersebut. Selalunya cadangan undang-undang merupakan pendirian pentadbiran British. **[6 markah]**

Kepentingan Sistem Ahli ialah sebagai **tapak asas untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. Proses perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu dimulakan kerana ahli-ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum**. Perkara ini merupakan **asas penting untuk menentukan kemerdekaan yang bakal dicapai** mendapat sokongan menyeluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu. **[4 markah]**

<b>T5B5</b>	<b>5.2. Maksud Pakatan Murni.</b>	<b>(Btms 119)</b>
-------------	-----------------------------------	-------------------

Pakatan Murni merupakan **usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan. Setiap kaum mempunyai tuntutan dan masalah tersendiri**. Pakatan Murni merupakan **jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum**. Pakatan Murni merupakan **jalan penyelesaian tuntutan dan masalah pelbagai kaum yang sebelum ini berpisah akibat dasar “pecah dan perintah” British.** **[5 markah]**

**T5B5**

**5.2.1. Pakatan Murni Pra Perikatan**

**(Btms 119-121)**

**- Usaha Pakatan Murni sehingga pembentukan Perikatan.**

Usaha yang telah diambil dalam melahirkan Pakatan Murni di Tanah Melayu ialah membentuk **Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JHAK) / CLC** yang dianggotai oleh kaum Melayu dan Cina. Orang Melayu bernaung di bawah **UMNO** yang dipimpin oleh **Dato' Onn Ja'afar**. Orang Cina dinaungi oleh **Persatuan Cina Malaysia (MCA)** yang dipimpin oleh **Tan Cheng Lock** **[4 markah]**

Pada bulan **Ogos 1949**, **CLC** dianggotai oleh enam orang pemimpin Melayu, enam orang pemimpin Cina dan seorang wakil kaum India. Hal ini merupakan titik tolak kerjasama semua kaum dan **JHAK** mengutamakan perpaduan untuk kemerdekaan. **[3 markah]**

**Kesanggupan berunding dengan kaum lain** demi kepentingan masa depan negara. **JHAK** mengadakan rundingan dengan **UMNO** dan beberapa perkara telah dipersetujui. **Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)** ditubuhkan untuk memajukan masyarakat luar bandar, **RIDA** bertujuan memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar Bandar terutama kaum Melayu. **RIDA** dipenguruskan oleh **Dato' Onn Ja'afar** **[4 markah]**

**Kerakyatan Negeri tahun 1951**, Pemberian kerakyatan kepada imigran dengan syarat ibu atau bapa yang telah menjadi rakyat Tanah Melayu. Pelaksanaan pilihan raya juga akan diadakan pada masa yang sesuai, iaitu pada peringkat perbandaran, negeri, **Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)**. **[4 markah]**

Seterusnya **Dato' Onn Jaafar** mencadangkan keahlian **UMNO** dibuka kepada orang bukan Melayu tetapi beliau dikecam kerana orang Melayu enggan berkompromi untuk mengubah struktur **UMNO** dan **Dato' Onn** meninggalkan **UMNO**. **Dato' Onn** menubuhkan **Parti Kemerdekaan Malaya (IMP)** Beliau membuka keahlian **IMP** kepada semua kaum. **Konsep kerjasama kaum dalam satu parti** diutamakan. **[4 markah]**

Selain itu, pihak **British** menganjurkan **Persidangan Kebangsaan di King's House**, Kuala Lumpur, oleh **Sir Malcom MacDonald**. Tujuannya ialah mencapai kerjasama politik bagi mengurangkan perasaan perkauman di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. **Penubuhan Persidangan Kebangsaan** diisytiharkan pada bulan April 1953 di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. **Dato' Panglima Bukit Gantang** menjadi pengerusi dan beliau disokong oleh beberapa orang Menteri Besar. **[4 markah]**

**Tunku Abdul Rahman** sebagai pemimpin **UMNO** telah menganjurkan **Konvensyen Kebangsaan** dianjurkan bersama **MCA** yang disertai oleh pelbagai parti politik. Kerjasama ini telah mengasaskan pembentukan **Parti Perikatan**. **[2 markah]**

<b>T5B5</b>	<b>5.2.2. Pelaksanaan pilihanraya di Malaysia secara kronologi (antara tahun 1952 hingga 1955) : Bandaran dan Majlis Perundangan Persekutuan 1955</b> (Btms 121-123)
-------------	--

Sejarah pilihan raya di Tanah Melayu bermula dengan **pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur** pada bulan Februari 1952 yang menyaksikan **permulaan kerjasama antara UMNO Kuala Lumpur dengan MCA Selangor**. Tokoh yang terlibat dalam mencetuskan kerjasama antara dua parti politik ini ialah **Dato' Abdul Razak Yahya dan Ong Yoke Lin**. Dalam pilihan raya tersebut **gabungan UMNO-MCA telah memenangi 9 kerusi** daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. **Pilihan raya telah diadakan di beberapa bandar utama**, dan **gabungan UMNO-MCA telah memenangi 26** daripada 37 kerusi yang dipertandingkan.

**[6 markah]**

Bermula dari tahun **1954**, **pilihan raya peringkat negeri telah mula diadakan**. Dalam pilihan raya negeri, **Parti Perikatan telah memenangi 226 kerusi** daripada 268 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan besar ini membuktikan bahawa **permuafakatan kaum dalam pelbagai parti telah dapat diterima** oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu. **[3 markah]**

Pada tahun **1954**, **British telah menubuhkan sebuah jawatan kuasa Pilihan Raya dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)**. Jawatankuasa ini **dianggotai oleh pemimpin parti politik seperti Parti Negara, UMNO, MCA, MIC dan pegawai-pegawai British**. Jawatankuasa ini turut **mencadangkan supaya 52 kerusi dipilih melalui pilihan raya dan 48 ahli MPP dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British**. **[4 markah]**

Pada tahun **1955** telah diadakan **pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan** dan dalam pilihan raya tersebut **Parti Perikatan telah memenangi 51 kerusi** daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. **[2 markah]**

<b>T5B5</b>	<b>5.2.3. Perikatan dan Pakatan Murni ke Arah kemerdekaan / Rundingan kemerdekaan bagi Tanah Melayu</b> (Btms 123-125)
-------------	--

Kemenangan Parti Perikatan dalam beberapa siri pilihan raya bermula dari tahun 1954 telah membolehkan Tunku Abdul Rahman selaku **Ketua Parti Perikatan** menjadi **Ketua Menteri dan membentuk kabinet**. **Manifesto** Parti Perikatan dalam pilihan raya **Majlis Perundangan Persekutuan 1955** antaranya adalah untuk **mencapai kemerdekaan** dalam masa **empat tahun** ternyata mampu meraih sokongan padu rakyat dan membawa kemenangan kepada Parti Perikatan. **[6 markah]**

Selaku Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman kemudiannya telah **mengetuai rombongan kemerdekaan ke London** pada bulan **Februari 1956**. Beliau turut disertai oleh **Dr Ismail Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak bin Hussein dan Kolonel H.S Lee**. **Empat wakil Sultan pula terdiri daripada Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Ahmed Kamil, Encik Abdul Aziz dan Dato' Mohd Seth**. **[5 markah]**

Perundingan kemerdekaan tersebut telah dipengerusikan oleh **Lord Lennox-Boyd** iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British dan berlangsung dari **18 Januari hingga 8 Februari 1956**. Dalam perundingan itu, sebuah **suruhanjaya bebas** untuk **mengkaji perlembagaan** telah dibentuk. Pihak British telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada **31 Ogos 1957**. Tunku Abdul Rahman telah membuat pengisytiharan tarikh kemerdekaan itu di **Bandar Hilir, Melaka**. Ternyata kemenangan Parti Perikatan dalam beberapa siri pilihan raya telah mendorong kepada terjadinya perundingan ke arah kemerdekaan. **[6 markah]**

T5B5	<b>Faktor yang membawa kemenangan kepada Parti Perikatan dalam pilihan raya 1955</b> <b>[10 markah]</b>
------	--

**Kebijaksanaan pemimpin** pelbagai parti politik menjalankan kerjasama politik telah membawa kemenangan pilihanraya Perundangan Persekutuan 1955. **Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO** telah **menganjurkan Konvesyen Kebangsaan** bersama-sama MCA. Konvensyen ini **disertai pelbagai parti** dan persatuan politik yang lain. Kerjasama ini telah **mengasaskan pembentukan Parti Perikatan**. **Kerjasama UMNO-MCA** telah dimulakan oleh UMNO Kuala Lumpur dibawah kepimpinan Dato Abdul Razak Yahya dan MCA Selangor oleh Ong Yoke Lin. Gabungan ini telah **mencapai kemenangan** besar. Pakatan ini telah diteruskan dalam **pilihan raya negeri** pada tahun 1954 dan juga diteruskan oleh para pemimpin dalam **pilihan raya Perundangan Persekutuan** 1955. Dalam pilihan raya ini juga Parti Perikatan mendapat sokongan dari pemimpin MIC. Para pemimpin telah memilih **musyawarah** sebagai pendekatan bagi mengatasi segala kemelut politik negara dan bangsa.  
**[8 markah]**

Faktor kedua yang membawa kemenangan cemerlang dalam pilihan raya Perundangan Persekutuan ialah **pemuafakatan kaum** dalam pelbagai parti yang dapat diterima oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Penduduk negara ini sedar **kerjasama** amat penting dalam usaha untuk mendapatkan kemerdekaan. **Pemimpin meyakinkan** rakyat pelbagai kaum negara ini boleh melakukan kerjasama politik. Kesimpulannya, pakatan murni telah mendapat **sokongan pelbagai kaum** pada peringkat akar umbi.  
**[4 markah]**

Faktor ketiga yang membawa kejayaan dalam pilihan raya Perundangan Persekutuan 1955 adalah **manifesto Parti Perikatan** yang meyakinkan rakyat negara ini. Manifesto Parti Perikatan dalam pilihan raya ini adalah untuk **mencapai kemerdekaan** dalam masa empat tahun, **mewajibkan pendidikan**, menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan, **menjaga hak asasi** manusia dan melindungi hak Raja-raja melayu sebagai Raja Berperlembagaan.  
**[4 markah]**

T5B5	<b>5.3. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 :</b> <b>5.3.1. Suruhanjaya Reid (Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan 1956)</b> <b>5.3.2. Isi- isi penting Perjanjian PTM 1957.</b> <b>(Btms 125-128)</b>
------	--

### **5.3.1. Suruhanjaya Reid (Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan 1956)** [Bt ms 125-127]

Suruhanjaya Reid telah **dibentuk pada bulan Mac 1956** bagi **membincangkan dan menyusun perlembagaan** Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. **Diketuai oleh Lord Reid** dan ahli lain ialah **Sir Ivor Jennings, Sir William McKell, Tuan B.Malik, Tuan Abdul Hamid**. Suruhanjaya ini **berfungsi untuk merangka sebuah perlembagaan** bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. **Beberapa isu menjadi panduan** suruhanjaya. Antaranya termasuklah **membentuk kerajaan persekutuan yang kuat**. Selain itu, **kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu**. Suruhanjaya juga telah **mengambil kira isu kedudukan Raja-Raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu**  
**[6 markah]**

Perwujudan **satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu**. Pihak suruhanjaya menerima **131 memorandum** daripada pelbagai pihak. Ini termasuklah daripada **Raja-Raja Melayu, orang perseorangan dan pertubuhan politik**. Daripada cadangan yang diterima pihak suruhanjaya memberi **perhatian kepada cadangan Parti Perikatan**. Cadangan Suruhanjaya

Reid diterbitkan pada bulan Februari 1957 dan Parlimen British menerima cadangan tersebut. Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan mengesahkannya dan lahirlah Perlembagaan Kemerdekaan 1957. **Isu hangat ialah kerakyatan jus soli yang menjadi tuntutan orang dagang tetapi tidak diterima oleh orang Melayu.** Selepas beberapa perundingan dibuat, **Raja-Raja Melayu telah menerima kerakyatan jus soli. Tetapi dengan syarat orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu.** Selain itu **orang bukan Melayu bersetuju. Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu dan bahasa Melayu menjadi bahasa Kebangsaan.** [6 markah]

### 5.3.2. Isi-isi penting Perjanjian PTM 1957 [Bt ms 127]

Antara isi kandungan PTM 1957 ialah **pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan. Pemisahan kuasa persekutuan dengan kuasa negeri melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.** Institusi Raja dijadikan **Raja Berperlembagaan** pada peringkat negeri dan negara. **Tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara Kuatkuasa Undang-Undang, Permohonan dan Naturalisasi. Prinsip jus soli diterima. Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan.** [5 markah]

Selain itu, **Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan Tanah Simpanan Melayu dikekalkan.** Seterusnya, **Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Yang Dipertuan Agong sebagai ketua negara.** Pentadbiran negara bersifat **demokrasi berparlimen** iaitu **Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen.** Pada **peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana** pentadbiran dan beliau dibantu oleh **Dewan Undangan Negeri dan EXCO.** [4 markah]

<b>T5B5</b>	<b>5.3.4. Peranan tokoh –tokoh kemerdekaan.</b>	<b>(Btms 131-132)</b>
-------------	---	-----------------------

Gambar menunjukkan tokoh-tokoh kemerdekaan negara



Jelaskan peranan tokoh tokoh ini dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat.

#### Jawapan :

Kebijaksanaan kemerdekaan negara telah dicapai **tanpa pertumpahan darah.** Sikap kerjasama dan sentiasa **mengutamakan perundingan dan kata sepakat** telah dijadikan pendekatan terbaik oleh pemimpin pemimpin tersebut [3 markah]

#### (a) Tunku Abdul Rahman

**Tunku Abdul Rahman adalah Presiden UMNO, Ketua Parti Perikatan dan Perdana Menteri pertama** negara kita selepas mencapai kemerdekaan. Melalui kebijaksanaannya **mengendalikan pakatan murni** antara kaum, kemerdekaan telah dapat dicapai dengan penuh harmoni dan gemilang. [4 markah]

**(b) Tun H.S. Lee**

Merupakan tokoh MCA yang telah memulakan kerjasama antara kaum-kaum sehingga mencetuskan idea penubuhan Parti Perikatan. Parti ini telah berkerjasama dengan UMNO dan MIC untuk mendapatkan kemerdekaan negara pada tahun 1957. Tun H.S. Lee merupakan Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama. [4 markah]

**(c) Tun V. T. Sambanthan**

Presiden MIC telah bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan negara. Tokoh ini menyokong sepenuhnya dasar kerjasama kaum sebagai tonggak kemerdekaan negara yang kukuh dan menyeru kaum India supaya memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada negara ini. [4 markah]

<b>T5B6</b>	<b>6.4. Langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia.</b>	<b>(Btms 149-152)</b>
-------------	---	-----------------------

Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak dan Sabah serta Brunei. Ini bertujuan untuk menerangkan konsep, tujuan dan matlamat penubuhan Malaysia. Akhirnya, hasil rundingan yang diadakan maka tertubuhnya Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) dibentuk dan ditubuhkan di Singapura. dan dipengerusi oleh Donald Stephens. Jawatankuasa ini berperanan menerangkan tentang gagasan Malaysia. Mesyuarat telah dibuat sebanyak empat kali dan Brunei telah menghantar pemerhatinya bagi menghadiri mesyuarat. Dalam mesyuarat terakhir ahli-ahli sepakat mengemukakan satu memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold yang dibentuk oleh kerajaan British. Suruhanjaya Cobbold ini disertai tiga pegawai British iaitu Lord Cobbold, Sir Anthony Abell, dan Sir David Watherston. Manakala rakyat tempatan ialah Dato' Wong Pow Nee dan Tan Sri Ghazali Shafie untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia. [11 markah]

Suruhanjaya ini telah menerima memorandum daripada pelbagai pertubuhan untuk dikemukakan kepada British. Hasil tinjauan suruhanjaya didapati satu per tiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat, satu pertiga menyokong dengan syarat kepentingan mereka harus dilindungi dan satu per tiga lagi menginginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia. Suruhanjaya juga mengemukakan beberapa cadangan seperti Perlembagaan baru berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigresennya. Seterusnya, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta jaminan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah. Seterusnya, pemberian nama Malaysia dan penentuan tarikh penubuhan Malaysia [8 markah]

Selain itu, cadangan Suruhanjaya Cobbold telah diperincikan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK). Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) dianggotai oleh wakil Persekutuan Tanah Melayu, Britain, Sarawak dan Sabah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Lord Landsdowne dan dibantu oleh Tun Abdul Razak. Kedua-duanya telah mengunjungi Sarawak dan Sabah bagi menerangkan penubuhan Malaysia. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 24 kali bagi mewajarkan kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam persekutuan Malaysia. Mereka juga berbincang hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah. [5 markah]

T5B6

**6.5. Perjanjian Malaysia 1963**  
**6.5.1. Intipati Perjanjian Malaysia 1963.**

(Btms 153-155)

### **Perjanjian Malaysia 1963**

Perjanjian Malaysia telah **ditandatangani di London pada 9 Julai 1963**. Sepanjang bulan Ogos 1963 berlaku beberapa peristiwa penting ke arah merealisasikan penubuhan Malaysia . **Ratu Elizabeth II telah memperkenalkan Akta Malaysia yang diluluskan oleh Parlimen Britain.** [3 markah]

Ini disusuli dengan **kelulusan Perjanjian Malaysia oleh Parlimen Tanah Melayu, Dewan Perhimpunan Singapura, Majlis Undangan Sarawak dan Majlis Undangan Sabah**. Seterusnya pada **26 Ogos 1963, Yang Dipertuan Agong telah memperkenalkan Akta Malaysia**. Pada **16 September 1963, negara Malaysia ditubuhkan secara rasminya yang merangkumi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah.** [4 markah]

### **Intipati Perjanjian Malaysia 1963**

Inti pati perjanjian Malaysia memperuntukkan beberapa perkara yang kemudiannya diterima dan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia.

Semua urusan berkaitan hal ehwal luar adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Agama Islam merupakan agama Persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah tetapi agama lain bebas diamalkan. Seterusnya Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan tetapi bahasa Inggeris dan bahasa lain masih boleh digunakan. Bagi negeri Sarawak dan Sabah, bahasa rasmi ialah bahasa Inggeris sehingga 10 tahun selepas Hari Malaysia. [4 markah]

Sarawak dan Sabah diberikan kuasa mengawal hal ehwal imigresen dan perkhidmatan awam. Pada masa yang sama Sarawak memperoleh 24 kerusi, Sabah 16 kerusi dan Singapura 15 kerusi bagi perwakilan parlimen. Akhir sekali rakyat bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat taraf sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu. [4 markah]

# SOALAN-SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

## PATRIOTISME DAN PERPADUAN

1. Buktikan / Jelaskan cara untuk kita dapat memupuk semangat patriotisme.

[10 markah]

Cara untuk kita memupuk semangat patriotisme adalah dengan **menjadikan Rukun Negara sebagai panduan** dalam membentuk warganegara yang cintakan negara. Rukun Negara **menjadi ideologi politik negara** dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia, **Nilai-nilai murni seperti bekerjasama, bertanggungjawab** serta **menghargai warisan bangsa** Malaysia perlu diterapkan dalam diri agar melahirkan masyarakat yang memiliki semangat patriotik yang tinggi. [4 markah]

**Ibu bapa dan Institusi kekeluargaan** memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk semangat patriotik dalam diri seseorang. Ibu bapa yang merupakan tulang belakang dalam **keluarga mestilah mengorak langkah yang lebih kreatif** dan inovatif agar **semangat patriotik dapat disemat di dalam diri anak-anak**. Antara langkah yang boleh diambil ialah **membawa anak-anak bercuti di tempat-tempat bersejarah** seperti Bandaraya Bersejarah Melaka. Hal ini dapat memupuk semangat jati diri dalam kalangan anak sejak kecil lagi. [4 markah]

Sehubungan itu, **budaya mengibarkan Jalur Gemilang** di rumah, kereta mahupun di basikal anak-anak perlu dijadikan amalan agar dapat meniupkan semangat patriotik. Hal ini secara tidak langsung menjana **perasaan bangga terhadap lambang negara**. Jelaslah, **ibu bapa menjadi pencetus utama** dalam memupuk semangat patriotik sejak kecil **menerusi didikan awal yang bermula di rumah**. [4 markah]

**Sekolah berperanan sebagai agen sosialisasi** dengan memupuk semangat patriotik dalam kalangan pelajar **melalui mata pelajaran Sejarah**. Langkah murni Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan semua pelajar lulus dalam mata pelajaran Sejarah bagi memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia merupakan satu usaha yang sangat bernas. **Guru sebagai pendidik perlu menyemai semangat patriotisme** secara terancang dan holistik. Penerapan ini boleh dilaksanakan **secara formal atau tidak formal melalui pengajaran di bilik darjah dan di luar bilik darjah**. [4 markah]

Pihak kerajaan juga perlu **memantapkan program membentuk jati diri** rakyat supaya dapat mengukuhkan semangat patriotisme. Antara program yang telah dijalankan ialah **Program Transformasi Minda** yang **memfokuskan penglibatan generasi muda** sejak di bangku sekolah. Program Transformasi Minda perlu ditambah baik modul pelaksanaannya agar **melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri** yang ampuh dalam mendepani cabaran globalisasi. [4 markah]

2. Kepentingan semangat patriotik dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia.

[10 markah]

Semangat patriotik akan **mengukuhkan kestabilan politik negara**. Rakyat yang bersemangat patriotik akan **mematuhi undang-undang negara** dan **tidak akan melibatkan diri dalam kegiatan kegiatan subversif** yang menjejaskan kestabilan politik negara. Malahan rakyat **akan menyumbangkan idea-idea baru** ke arah pembinaan negara dan bangsa yang progresif. [4 markah]

Semangat patriotik **melahirkan kecintaan terhadap negara**. Setiap rakyat yang patriotik perlu **menunjukkan kesetiaan dan kesanggupan untuk berkorban** demi kecintaan terhadap tanah air. Bagi melahirkan perasaan tersebut lambang-lambang negara diwujudkan. Antara lambang negara kita termasuklah **Jata Negara, bendera Jalur Gemilang dan lagu Negaraku**. Rakyat yang patriotik akan sentiasa **menunjukkan penghormatan terhadap lambang lambang ini**. [4 markah]

Semangat patriotik juga dapat **memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum**. Rakyat negara akan **menanamkan semangat kekitaan yang tinggi**. Rakyat yang mempunyai semangat patriotik akan **memberikan sokongan penuh kepada dasar-dasar pembangunan negara**. Rakyat juga **tidak berpecah belah** dengan amalan semangat kesukuan melampau yang boleh menjejaskan keharmonian negara. Semangat patriotik akan **membawa pembangunan sosioekonomi negara dan bangsa Malaysia**. [4 markah]

**3. Perlembagaan Kemerdekaan 1957 dapat membantu pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang merdeka.** [10 markah]

Prinsip Perlembagaan Kemerdekaan 1957 merangkumi unsur-unsur **Kesultanan Melaka** dan sistem birokrasi barat yang digabungkan untuk **membentuk identiti negara dan bangsa Malaysia**. Perlembagaan ini **memberikan kuasa mutlak kepada pemimpin tempatan untuk memerintah negara sendiri mengikut acuan kita**. Pemimpin negara dapat membina negara dan bangsa mengikut hala tuju yang diinginkan. Pemimpin juga boleh memastikan pembangunan negara **berasaskan acuan sendiri iaitu kemajuan bersepadu**. Rumusnya, **Perlembagaan Kemerdekaan 1957 telah merintis jalan ke arah pembinaan negara dan bangsa Malaysia** yang memiliki jati diri warisan tempatan [4 markah]

Perlembagaan Kemerdekaan 1957 juga membolehkan **kerajaan demokrasi dengan konsep Raja Berperlembagaan dibentuk**. Institusi Raja dijadikan Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara. **Institusi raja adalah warisan tradisi orang Melayu** sejak Kesultanan Melayu Melaka. Raja Melayu menjadi lambang kedaulatan negara. Yang Dipertuan Agong bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia dengan nasihat Perdana Menteri. Baginda juga **bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu**. Baginda boleh menitahkan Majlis Raja-raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi **membincangkan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kemuliaan Raja-raja Melayu**. Semua prinsip ini mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu sebagai simbol keutuhan dan perpaduan rakyat di negara ini. [5 markah]

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menawarkan **kerakyatan jus soli** dengan tiga jenis kerakyatan diterima iaitu secara Kuat Kuasa Undang-undang, Permohonan dan Naturalisasi. Pengorbanan orang Melayu **berkongsi kuasa dengan kaum India dan Cina** membuktikan pembinaan negara dan bangsa Malaysia telahpun bermula dan diterima dalam Perlembagaan Kemerdekaan 1957. Bagi orang bukan Melayu, mereka turut bersetuju dan mengakui untuk **menerima kedudukan istimewa orang Melayu** dikekalkan. **Agama Islam sebagai agama rasmi** Persekutuan. Prinsip ini mengesahkan rakyat berbilang kaum negara ini sanggup bertolak ansur dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang merdeka. Oleh itu Perlembagaan Kemerdekaan 1957 bukan sahaja menjanjikan kemerdekaan negara malahan memulakan proses **pembinaan negara dan bangsa Malaysia**. [4 markah]

**Perlembagaan Persekutuan 1957 telah mengetepikan perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa diketepikan**. Ia juga telah mendorong **pembinaan negara dan bangsa Malaysia tanpa pertumpahan darah**. [4 markah]

#### 4. Semangat Pakatan Murni perlu dikekalkan oleh rakyat Malaysia

[10 markah]

Semangat Pakatan Murni perlu dikekalkan oleh rakyat Malaysia kerana ia merupakan **jalan penyelesaian dalam menyatukan rakyat** pelbagai kaum. Dalam pakatan murni, elemen / unsur perundingan menjadi agenda utama dalam menyelesaikan sebarang masalah yang melibatkan antara kaum. Oleh sebab itu, pemimpin negara yang terdiri daripada pelbagai kaum perlu berusaha mencari kata sepakat dalam menyelesaikan sesuatu isu **tanpa menimbulkan rasa tidak puas hati** dalam kalangan kaum. [3 markah]

Selain itu, semangat pakatan murni juga penting dalam **mewujudkan sikap kerjasama antara kaum**. Rakyat akan **saling membantu tanpa memikirkan kepentingan kaum masing-masing** dalam semua aspek. Dalam masa yang sama, mereka akan **bersikap tolak ansur dan bertoleransi demi kepentingan bersama** sebagaimana kesepakatan pemimpin pelbagai kaum terdahulu menyelesaikan masalah berkaitan kaum dengan **penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) 1949**. Sehubungan itu, pakatan murni dapat melahirkan anggota masyarakat perlu **berfikiran terbuka** serta **bersedia untuk memberi dan menerima pendapat orang lain** dalam menyelesaikan sesuatu isu. Pakatan murni dapat membantu sesuatu konflik diselesaikan dalam suasana yang harmoni. Setiap pandangan dapat diteliti dan dihujahi oleh semua pihak yang terlibat. [6 markah]

Semangat kerjasama dalam pakatan murni juga perlu dikekalkan untuk **mencapai kestabilan politik**. Semua pemimpin politik perlu melupakan ideologi kaum masing-masing dalam mentadbir urus negara dengan **mencontohi tindak-tanduk pemimpin terdahulu**. Mereka **bersikap rasional dalam membuat keputusan** yang dapat **mengelakkan perbalahan antara kaum** akibat rasa ketidakpuasan hati antara satu sama lain. Akhir sekali, semangat pakatan murni dapat **mengukuhkan perasaan cinta akan negara** dalam kalangan rakyat untuk **mempertahankan negara daripada sebarang bentuk ancaman luar**. **Kesimpulannya, pakatan murni melahirkan sikap** sanggup berkorban demi kemajuan bangsa dan negara [6 markah]

#### 5. Lambang negara merupakan identiti negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat.

[10 markah]

Lambang negara diwujudkan agar setiap rakyat menunjukkan kesetiaan, kesanggupan untuk berkorban dan kecintaan terhadap tanah air. Untuk melahirkan perasaan tersebut, lambang negara telah diwujudkan. Antara lambang negara kita termasuklah **jata negara, bendera kebangsaan dan lagu kebangsaan**. Tujuannya **supaya rakyat sentiasa bersemangat, bersatu padu dan sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara Malaysia**. Contohnya, Jata Negara Malaysia **menjadi lambang kemegahan penduduk negara** ini. Setiap lambang pada jata negara mempunyai maksud yang tertentu. Dalam jata negara, di bawah perisai terdapat **cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu”** yang bermaksud **semangat permuafakatan akan mengeratkan lagi perpaduan kaum dan negeri di Malaysia**. [8 markah]

Seterusnya bendera Kebangsaan berfungsi untuk **membangkitkan semangat perjuangan**. Warna biru dalam bendera kebangsaan **melambangkan perpaduan rakyat berbilang kaum** di Negara kita. Lagu Kebangsaan iaitu **Lagu Negaraku** juga menjadi salah satu lambang perpaduan rakyat. Lirik lagu kebangsaan **melambangkan kesetiaan rakyat** yang tidak berbelah bagi kepada tanah air. Lagu kebangsaan **membangkitkan semangat patriotik dan cinta akan tanah air**. Semua orang bangga dengan lagu kebangsaan negara. Dalam lagu tersebut terdapat lirik iaitu **“rakyat hidup bersatu dan maju”** yang bermaksud masyarakat berbilang kaum hidup bersatu padu dalam memajukan negara. Justeru, setiap rakyat Malaysia hendaklah menghormati lambang-lambang negara kita. [4 markah]

**6. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990 mempercepat pembinaan negara dan bangsa yang mantap. [10 markah]**

Dasar Ekonomi Baru telah diperkenalkan selepas peristiwa 13 Mei 1969. Selepas peristiwa hitam ini, kerajaan mula sedar segala program pembangunan selama itu belum dapat **membendung masalah perpaduan antara kaum. Jurang perbezaan pendapatan antara kaum** masih ketara. Ekoran itu diperkenalkan Dasar Ekonomi Baru sebagai **perancangan pembangunan negara jangka panjang.** [3 markah]

Pelbagai langkah dalam Dasar Ekonomi Baru adalah untuk **mencapai perpaduan dan kesejahteraan hidup rakyat tanpa mengira kaum.** Di bawah DEB kerajaan Malaysia meletakkan dua sasaran utama. Pertama ingin **membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum** dan yang kedua **menyusun semula masyarakat.** [3 markah]

Dalam usaha membasmi kemiskinan kerajaan **menambahkan pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan** bagi **merapatkan jurang ekonomi.** Beberapa agensi di bawah Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah ditubuhkan untuk melaksanakan program pembangunan wilayah . [3 markah]

Pelbagai **agensi ditubuhkan dalam memajukan kehidupan masyarakat** golongan berpendapatan rendah. Contohnya ialah Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). [3 markah]

Kerajaan juga telah melaksanakan **Pembukaan tanah secara besar-besaran** di bawah **program pembangunan wilayah** oleh agensi-agensinya seperti Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). [3 markah]

Dalam usaha menyusun semula masyarakat kerajaan berusaha **mengimbangi pemilikan harta dan saham** perindustrian antara kaum bumiputera dengan kaum bukan bumiputera, **Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuhkan dan Skim Amanah Saham Nasional (ASN)** telah dilancarkan pada tahun 1981. [2 markah]

**Pembangunan kawasan luar bandar** turut diberikan perhatian. **Penggunaan tanah dengan lebih cekap** dititikberatkan agar dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. [2 markah]

**Industri desa yang berpotensi seperti kraf tangan digalakkan.** Kemudahan kredit dan intensif telah diperluas melalui Bank Pertanian Malaysia, Skim Pinjaman Khas Pertanian dan Amanah Ikhtiar Malaysia. [2 markah]

Segala usaha kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru ( 1971-1990) ingin **menghapuskan identiti perkauman berdasarkan pekerjaan dan tempat tinggal.** Kerajaan ingin melahirkan masyarakat yang **mendapat pengagihan ekonomi yang adil.** Malahan DEB turut **mengeratkan hubungan antara kaum** dan menjamin keamanan, ketenteraman dan **merealisasikan kelahiran negara dan bangsa Malaysia** yang mantap. [4 markah]

**7. Pakatan Murni dapat mempercepatkan pembinaan negara dan bangsa Malaysia.**

**[10 markah]**

Pakatan murni dapat mempercepatkan pembinaan negara dan bangsa Malaysia melalui **kerjasama** antara kaum yang diwujudkan melalui **proses rundingan**. Kerjasama yang diperoleh melalui pengamalan **sikap tolak ansur** politik ini dianggap sebagai jalan penyelesaian untuk **menyatupadukan** rakyat pelbagai kaum. Selain itu, **memudahkan penyelesaian masalah** yang melibatkan kaum. Selain itu, pakatan murni ini juga telah **membantu rakyat** agar menghormati hak istimewa kaum tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh **Perlembagaan Malaysia**. **[6 markah]**

Seterusnya, pembinaan negara dan bangsa Malaysia juga dapat **dipercepatkan** apabila pakatan murni telah berjaya **mengetepikan perbezaan** warna kulit, agama, bahasa dan bangsa. Perkara seumpama ini telah **menghakis** sikap mementingkan diri sendiri di samping **menerapkan** perasaan **menghormati hak setiap kaum** untuk mengamalkan agama, kepercayaan dan cara hidup kaum masing-masing. Oleh itu, **sensitiviti** setiap kaum akan dijaga. Hal ini telah membantu pakatan murni untuk mewujudkan masyarakat pelbagai kaum yang telah berjaya **mengelakkan pertelingkahan** atau persengketaan dan keharmonian kaum dapat dicapai. **[6 markah]**

**8. Kejayaan Pakatan Murni dalam merealisasikan pembinaan negara dan bangsa Malaysia**

**[10 markah]**

Pakatan Murni telah berjaya merealisasikan pembinaan negara bangsa yang berdaulat kerana kejayaan dalam mewujudkan **perpaduan kaum** di negara kita. Pakatan Murni antara UMNO, MCA dan MIC telah membentuk Parti Perikatan yang telah berjaya **memenangi 51 kerusi** daripada 52 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955. Kejayaan besar ini telah membolehkan Tunku Abdul Rahman selaku **ketua Parti Perikatan menjadi Ketua Menteri** dan membentuk **Kabinet Tanah Melayu yang pertama**. **[4 markah]**

Usaha merealisasikan pembinaan negara bangsa oleh menteri kabinet dengan **membentuk jawatankuasa rombongan kemerdekaan** ke London pada bulan Februari 1956. Rundingan kemerdekaan telah berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956 yang dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British. Dalam rundingan itu, sebuah suruhanjaya bebas **untuk mengkaji perlembagaan negara** yang akan merdeka telah dibentuk. **Mereka bersetuju** dengan pembentukan **Suruhanjaya Ried**. Rombongan tersebut juga telah berjaya mendapat tarikh kemerdekaan Tanah Melayu. **[4 markah]**

Suruhanjaya Ried yang dibentuk pada bulan Mac 1956, telah **berjaya menyelesaikan beberapa isu** dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. **Tolak ansur** rakyat Tanah Melayu ketika itu telah mengukuhkan pakatan murni antara kaum dan mereka **sanggup menerima syarat perjanjian Persekutuan** Tanah Melayu 1957. Maka, tarikh keramat 31 Ogos 1957, Tanah Melayu telah mencapai **kemerdekaan**. Penerimaan prinsip-prinsip Perlembagaan Kemerdekaan 1957 ini adalah **satu kejayaan dalam merealisasikan pembinaan negara bangsa** yang kukuh, sistematik dan berperundangan. **[5 markah]**

## 9. Amalan konsep Pakatan Murni.

[10 markah]

Saya akan memupuk **semangat kekitaan dalam diri untuk** mengekalkan perpaduan. Saya akan **bertolak ansur**, sabar, dan mengawal diri demi **mengelakkan pertelingkahan** dan perselisihan faham untuk kesejahteraan hidup. Contohnya saya akan sentiasa **hormat-menghormati** antara satu sama lain tanpa mengira kedudukan, bangsa atau agama dan **tidak boleh mengkritik** adat resam dan kepercayaan kaum lain. [5 markah]

Selain itu, saya juga akan **menyertai aktiviti** yang melibatkan penglibatan pelbagai kaum seperti gotong-royong di kawasan perumahan. Gotong royong adalah salah satu cara untuk rakyat Malaysia **berinteraksi** dan tolong menolong antara satu sama lain. **Aktiviti gotong-royong** juga dapat memupuk nilai-nilai murni dalam kehidupan kita. Amalan nilai-nilai murni ini amat penting dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang **bertanggungjawab**. **Amalan bergotong royong** memberikan ruang kepada masyarakat pelbagai kaum berinteraksi dan hal ini membolehkan pakatan murni dapat disemai. [5 markah]

Seterusnya, saya akan menerapkan **semangat nasionalisme** dalam diri. Tanpa perasaan cinta akan tanah air, rakyat Malaysia akan **berpecah belah** kerana akan berlaku **pergaduhan** antara kaum akibat sering menimbulkan **isu-isu yang sensitif** dalam kalangan masyarakat seperti **isu agama**, isu bahasa dan isu raja-raja Melayu. Contohnya saya akan berhati-hati dalam tutur kata dan mengelakkan bercakap tentang hal-hal yang sensitif yang boleh mengakibatkan, negara menjadi **tidak aman** dan politik dalam negara **menjadi tidak stabil**. [5 markah]

## 10. Peranan rakyat Malaysia untuk mengukuhkan pembinaan negara dan bangsa.

[10 markah]

Bagi mengukuhkan pembinaan negara dan bangsa Malaysia, terdapat beberapa peranan yang boleh disumbangkan oleh rakyat negara ini. Peranan ke arah pengukuhan ini dapat dilihat dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.

Dalam aspek politik, rakyat perlulah **mendokong dasar-dasar** yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk kesejahteraan rakyat. Manakala, para pemimpin pula perlulah **mengukuhkan hubungan diplomatik** dengan negara-negara serantau dan antarabangsa bagi **mengeratkan kerjasama** secara bilateral mahupun multilateral. Contohnya, **menerusi ASEAN, Komanwel, OIC dan PBB**. Secara tidak langsung, **imej negara akan meningkat**. [5 markah]

Seterusnya, dalam aspek ekonomi rakyat memainkan peranan yang penting bagi **menjayakan transformasi ekonomi** yang dirancang oleh kerajaan. Berdasarkan **peruntukan dalam Belanjawan Tahunan**, rakyat Malaysia boleh memanfaatkannya untuk memantapkan ekonomi negara. Contohnya, **mengangkat potensi Industri Kecil dan Sederhana (IKS)** ke peringkat antarabangsa supaya **jenama tempatan dikenali** sekaligus **menjamin kemakmuran jangka panjang**. [5 markah]

Akhir sekali, dalam aspek sosial pula rakyat Malaysia memainkan peranan yang sangat besar dalam **mengukuhkan perpaduan** antara kaum. Kepelbagaian masyarakat majmuk di negara ini **memerlukan nilai persefahaman dan amalan hormat-menghormati** terhadap perbezaan budaya, adat resam dan kepercayaan. Oleh itu, konsep **Rumah Terbuka dan**

penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dapat menyatukan perbezaan tersebut. Kesannya, keamanan negara akan terus terpelihara. [5 markah]

### 11. Kesan jika rakyat negara ini mengabaikan pakatan murni

[10 markah]

Dari aspek sosial, sekiranya rakyat negara ini mengabaikan pakatan murni **kesejahteraan hidup akan merosot**. Tanpa pakatan murni **perpaduan rakyat akan hancur** sehingga menjejaskan keamanan negara. **Perasaan perkauman** dalam kalangan penduduk semakin menebal. Contohnya, peristiwa konflik perkauman yang meletus pada 13 Mei 1969 di negara kita telah menghuru-harakan keadaan sehingga berlaku tragedi bunuh membunuh melibatkan kaum. Kesannya keamanan negara negara tergugat dan **rakyat hidup dalam ketakutan** [6 markah]

Selain itu, seandainya pakatan murni diabaikan maka sudah pasti **pentadbiran negara akan menjadi lemah** mengakibatkan negara **sukar mengecapi kemajuan**. Kedudukan **pemimpin negara tercabar** kerana ada golongan yang akan cuba **menjatuhkan pemimpin** sehingga sistem pemerintahan demokrasi berparlimen tidak dapat diperkukuh. Keadaan ini akan menyebabkan **imej negara akan dipandang rendah** oleh kuasa-kuasa luar dan ekonomi negara akan terjejas. Contohnya **kuasa asing mudah campur tangan** dalam hal pentadbiran negara. Pentadbiran negara akan dikawal dan **tiada jaminan dari segi keselamatan**. [8 markah]

Dalam aspek ekonomi pula ia akan **menjejaskan kemajuan ekonomi negara**. **Pelabur luar tidak berminat** untuk melabur kerana **keadaan negara yang huru-hara**. Hal ini akan **memberi kesan kepada pendapatan negara**. Contohnya **pasaran import dan eksport negara akan terjejas** dan **memberikan impak yang besar** kepada ekonomi negara kerana keadaan negara yang tidak aman akibat terleka dengan konsep pakatan murni. Hal ini akan menjejaskan produktiviti negara dan ekonomi negara jatuh. [5 markah]

### 12. Perpaduan merupakan elemen penting untuk mencapai kemerdekaan. [10 markah]

Perpaduan merupakan elemen penting untuk mencapai kemerdekaan kerana pembinaan sesebuah negara bangsa yang merdeka perlu **melibatkan rundingan** dan **kerjasama** antara pemimpin terdahulu dengan pihak-pihak tertentu. Tambahan pula, dapat dilihat juga melalui **Sistem Ahli** yang telah memulakan konsep perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Hal ini kerana, ahlinya merupakan **gabungan pemimpin daripada pelbagai kaum** yang terdapat di negara ini. Penduduk Persekutuan Tanah Melayu juga **memberikan sokongan penuh** kepada gabungan pemimpin pelbagai kaum [5 markah]

Selain itu, elemen perpaduan juga penting dalam mencapai kemerdekaan di mana proses **Pakatan Murni** juga menekankan konsep tersebut. Hal ini kerana melalui Pakatan Murni dapat **memupuk semangat usaha semua kaum** yang seterusnya menghasilkan kerjasama dan **tolak ansur politik** melalui pelbagai rundingan. [3 markah]

**Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)** juga mementingkan konsep perpaduan kaum. Jelas terbukti melalui Jawatankuasa Hubungan Antara (CLC) merupakan titik **permulaan kerjasama kaum** di Tanah Melayu dan aspek perpaduan antara kaum menjadi **asas kemerdekaan**. Selain daripada CLC, **penubuhan Persidangan Kebangsaan** juga menekankan konsep kerjasama politik bagi **mengurangkan perasaan**

**perkauman** dalam sesebuah masyarakat. Kesimpulannya, aspek perpaduan sangat penting dalam pembinaan sesebuah negara agar memastikan **rakyatnya hidup dalam sejahtera**.

[3 markah]

**13. Perpaduan kaum dapat mengekalkan kedaulatan negara.**

[10 markah]

Perpaduan kaum dapat mengekalkan kedaulatan negara melalui **semangat kekitaan** yang diamalkan antara kaum. Hal ini secara tidak langsung dapat **memupuk amalan bertolak ansur** antara masyarakat. Contohnya kita seharusnya **sabar dan mengawal diri** demi **mengelakkan pertelingkahan** dan perselisihan faham untuk **kesejahteraan** hidup rakyat Malaysia.

[5 markah]

Selain itu, melalui perpaduan juga kita dapat memupuk **sifat bersatu padu** antara masyarakat yang berbilang kaum. Hal ini penting bagi **mewujudkan keharmonian** dan **semangat berjuang untuk negara** bukannya untuk bangsa atau kaum sendiri. Contohnya dapat dilihat melalui **sambutan Hari Kebangsaan Malaysia** yang disambut setiap tahun pada 31 Ogos dan 16 September.

[4 markah]

Perpaduan juga dapat dipupuk melalui amalan **saling menghormati** antara satu sama lain **tanpa mengira kedudukan**, bangsa atau agama. Contohnya, kita **tidak berhak mengkritik** atau mengutuk adat resam dan kepercayaan kaum lain.

[3 markah]

**14. Suruhanjaya Reid (Suruhanjaya Perlembagaan 1956) : Peranannya dalam mengukuhkan pembinaan negara dan bangsa yang merdeka**

[10 markah]

Suruhanjaya Reid ialah sebuah suruhanjaya bebas yang dibentuk pada 21 Mac 1956. Suruhanjaya ini berperanan untuk **membincangkan, mengkaji, menyusun** serta **merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (PTM)** sebagai persediaan untuk **mencapai kemerdekaan** pada 31 Ogos 1957.

[3 markah]

Suruhanjaya yang dibentuk ini juga telah **mengadakan sebanyak 118 buah persidangan** serta **menerima 131 memorandum** daripada pelbagai lapisan masyarakat dan organisasi untuk dikaji dari bulan Jun hingga Oktober 1956.

[2 markah]

Beberapa isu atau perkara penting telah diambilkira dan dibincangkan oleh suruhanjaya ini dalam merangka Perlembagaan PTM. Antaranya ialah **pembentukan sebuah kerajaan Pusat yang kuat, memberikan kuasa autonomi kepada kerajaan negeri** dalam bidang tertentu serta **mewujudkan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu**. Selain itu, isu mengenai **kedudukan raja-raja Melayu** serta **melindungi hak keistimewaan orang Melayu**. Draf dan laporan Suruhanjaya Reid ini telah **diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)** pada bulan Julai 1957.

[6 markah]

**15. Kejayaan yang dinikmati oleh Malaysia sebagai sebuah negara dan bangsa yang berdaulat**

[10 markah]

Selepas menjadi sebuah negara dan bangsa yang berdaulat, Malaysia telah mengecapi kejayaan dalam pelbagai aspek. Antara kejayaan yang diperoleh dan masih berkekalan sehingga kini ialah berjaya **mewujudkan keamanan dalam negara**. Keamanan ini wujud hasil daripada **pentadbiran yang cekap dan bersistematik** serta **perpaduan antara kaum** yang

berasaskan **konsep Gagasan 1Malaysia dan Malaysia Baharu**. Secara tidak langsung, **keharmonian masyarakat majmuk di negara ini kekal terpelihara.** [5 markah]

Selain itu, menerusi **penubuhan Malaysia** pada tahun 1963 telah berjaya **menyatukan semua negeri di bawah satu pentadbiran** bagi **merapatkan jurang sosial** dan **mewujudkan keseimbangan terhadap komposisi penduduk** mengikut kaum. Malah, penubuhan Malaysia juga membolehkan kerajaan **merangka pelan ekonomi bersepadu** dengan **memanfaatkan sumber bumi dan bahan mentah** yang terdapat di negara ini. Impaknya, rakyat Malaysia dapat **mengecapi kemakmuran bersama.** [7 markah]

Seterusnya, pencapaian dalam bidang ekonomi turut diberikan penekanan menerusi **pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB)** pada 1970-an dengan terlaksananya **Program Rancangan Pembangunan Lima Tahun** sehingga kini. Di samping itu, **kemunculan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Dasar Pandang Ke Timur** pada 1980-an telah mengukuhkan lagi status Malaysia sebagai negara yang **mempunyai dasar ekonomi yang mapan** terhadap pembangunan negara. [4 markah]

Status Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat juga dapat dilihat pada kejayaan Malaysia menerusi **hubungan dengan negara luar** yang diterjemahkan melalui **penyertaan dalam pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Persidangan Negara Islam (OIC), Pertubuhan Komanwel dan ASEAN** serta penglibatan Malaysia sebagai **pasukan pengaman PBB** di negara yang bergolak. [4 markah]

#### **16. Prinsip perlembagaan Kemerdekaan 1957 dapat membantu pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang merdeka** [10 markah]

Kandungan prinsip Perlembagaan Kemerdekaan 1957 **merangkumi unsur unsur Kesultanan Melayu** dan sistem birokrasi barat yang digabungkan untuk **membentuk identiti negara dan bangsa Malaysia**. Perembagaan ini **memberikan kuasa mutlak kepada pemimpin tempatan** untuk **memerintah negara sendiri mengikut acuan kita**. Pemimpin negara dapat membina negara dan bangsa mengikut hala tuju yang diinginkan. [4 markah]

Prinsip prinsip Perlembagaan Kemerdekaan 1957 membolehkan **kerajaan demokrasi dengan konsep raja berperlembagaan dibentuk**. Institusi Raja dijadikan Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara. **Institusi raja adalah warisan tradisi orang Melayu** sejak Kesultanan Melayu Melaka. Raja Melayu menjadi lambang kedaulatan negara. Yang Dipertuan Agong bertindak berdasarkan perlembagaan Malaysia dan nasihat Perdana Menteri. Baginda juga **bertanggungjawab menjaga dan memihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu**. Baginda boleh menitahkan Majlis Raja raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi **membincangkan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kemuliaan raja raja Melayu**. Semua prinsip prinsip ini mengukuhkan kedudukan Raja raja Melayu sebagai simbol keutuhan dan perpaduan rakyat di negara ini. [4 markah]

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menawarkan **kerakyatan jus soli** dengan tiga jenis kerakyatan diterima masuk iaitu secara kuat kuasa undang undang, Permohonan dan Naturalisasi. Kesudian orang Melayu **berkongsi tanah Melayu dengan kaum India dan Cina** membuktikan pembinaan negara dan bangsa Malaysia telahpun bermula dan diterima dalam prinsip prinsip Perlembagaan Kemerdekaan 1957. Bagi orang bukan Melayu, mereka turut bersetuju dan mengakui untuk **menerima kedudukan istimewa orang Melayu** dikekalkan. **Agama Islam sebagai agama rasmi** Persekutuan. Prinsip prinsip ini mengesahkan rakyat berbilang kaum negara ini sanggup bertolak ansur dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang merdeka. [4 markah]

Perjanjian ini juga telah memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mengikut acuan sendiri. Perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa diketepikan. Ia juga telah mendorong pembinaan negara dan bangsa yang merdeka tanpa pertumpahan darah. [3 markah]

## CABARAN / KEKANGAN / TINDAKAN/ LANGKAH / USAHA

### 17. Cabaran dan langkah: Membina negara dan bangsa yang berdaulat [10 markah]

Cabaran yang dihadapi dalam proses membina negara dan bangsa Malaysia ialah kesan dasar pecah dan perintah yang kita warisi sejak zaman penjajah barat. Masyarakat dikekalkan dalam pekerjaan yang berbeza dan kawasan petempatan yang berasing. Pasca kemerdekaan negara masyarakat negara ini tidak berpeluang mengenali budaya kaum lain. Sifat perkauman yang menebal disokong dengan kemunculan parti parti politik perkauman mencabar pembinaan negara dan bangsa yang berdaulat

Langkah mengatasinya adalah dengan pengenalan dasar dasar sosial yang terancang. Kerajaan perlu memantapkan pelbagai dasar yang sedia ada agar ia menjurus kepada pembinaan negara dan bangsa yang berdaulat. Contohnya, melaksanakan **Dasar Sukan Negara**. Dasar ini memainkan peranan sebagai **alat perpaduan** tanpa mengira ideologi. Sukan dapat **menyemarakkan semangat patriotik** dalam kalangan rakyat. Contohnya pasukan bola sepak negara yang memiliki pemain yang terdiri daripada pelbagai kaum akan menyumbang kepada **penyatuan rakyat** negara ini. Oleh itu, semua rakyat Malaysia akan menyokong pasukan Malaysia tanpa mengira perbezaan politik, agama dan budaya. Dengan ini, proses pembinaan negara dan bangsa yang berdaulat dapat dibentuk.

Cabaran yang dihadapi dalam proses membina negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat juga adalah kerana kewujudan **sistem pendidikan pelbagai aliran atau vernakular** yang menggunakan **bahasa ibunda** kaum masing-masing sebagai **bahasa pengantar**. Murid-murid pelbagai kaum **dipisahkan** melalui sistem pendidikan yang tidak sama sejak usia muda lagi.

Langkah mengatasi cabaran tersebut ialah dengan usaha kerajaan memperkenalkan sistem pendidikan bersifat nasional. Usaha kerajaan mengembangkan sekolah wawasan perlu diteruskan. Begitu juga usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai wadah perpaduan masyarakat turut dilaksanakan secara terancang. Kerajaan perlu berunding dengan parti parti politik yang mewakili setiap kaum di negara ini tentang rasional rombakan pendidikan negara sebagai sebahagian daripada langkah **membina negara dan bangsa yang berdaulat**.

Disamping itu juga, **kemunculan era globalisasi** turut menjadi cabaran dalam proses pembinaan negara dan bangsa yang berdaulat. Ini termasuklah penyebaran budaya asing yang negatif. Rakyat negara ini hilang jati diri dan mudah terpengaruh dengan budaya yang bertentangan dengan kebudayaan kita. Institusi kekeluargaan runtuh dan mengancam penerapan pendidikan informal dalam kalangan anak anak. Usaha membentuk dan mengekalkan identiti negara Malaysia turut terancam

Langkah mengatasi cabaran tersebut ialah melalui penghayatan **prinsip Rukun Negara** dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh **kepercayaan kepada Tuhan**. Setiap rakyat perlu **berpegang kepada agama** masing-masing. Rakyat yang beragama mudah diurus menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab.

**18. Cabaran : Melahirkan bangsa Malaysia yang maju.**

**[10 markah]**

Antara cabaran untuk melahirkan bangsa Malaysia yang maju ialah masalah **kebergantungan negara kepada tenaga kerja luar**. Rakyat negara ini **terlalu memilih pekerjaan**, Rakyat tempatan **sanggup menjadi pengganggu daripada melakukan kerja yang dianggap “kotor” dan susah**. Malahan rakyat negara ini **tidak bersiap sedia untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran** dalam bidang teknologi serta ilmu ilmu baru. Sikap memilih pekerjaan dan **tidak mahu berusaha untuk menyediakan diri dengan ilmu dan kemahiran baru** menjadi cabaran penting melahirkan bangsa Malaysia yang maju.

Sikap masyarakat **terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan** turut menjadi cabaran penting dalam melahirkan bangsa Malaysia yang maju. Rakyat biasa **mengharapkan subsidi kerajaan**. Apabila kerajaan cuba menyusun sistem kewangan negara dengan **mengurangkan subsidi barangan tertentu**, ia mendapat tentangan. Parti parti politik yang mentadbir negara dianggap tidak menjaga kebajikan rakyatnya kerana tindakan mereka mengurangkan subsidi. Begitu juga **pengusaha ekonomi tempatan yang tidak berusaha meluaskan pasaran barangan ke arena antarabangsa**. Mereka **kurang yakin untuk bersaing peringkat antarabangsa**. Sikap **kebergantungan kepada kerajaan** dan mengadi “jaguh kampung” menjadi cabaran dalam melahirkan bangsa yang maju.

Masyarakat yang maju tidak dapat dipisahkan dengan bidang saintifik. Penguasaan sesebuah masyarakat terhadap ilmu pengetahuan terutamanya yang bertunjangkan sains dan teknologi sering menjadi ukuran kemajuan sesuatu bangsa. Cabarannya, rakyat negara ini **masih lemah dari segi penguasaan sains dan teknologi**. Kajian menunjukkan kebanyakan rakyat negara ini **menggunakan internet dan ICT untuk tujuan hiburan** dan menghantar maklumat sahaja. Rakyat negara ini **tidak menggunakan kemudahan internet untuk mencari maklumat bersifat ilmiah**. Jika trend ini berterusan ia **akan menjejaskan budaya ilmu** dan menjejaskan produktiviti dan amalan kreatif serta inovatif.

**19. Langkah / Usaha : Melahirkan bangsa Malaysia yang maju.**

**[10 markah]**

Langkah mengatasi masalah kekurangan modal ialah pihak kerajaan **mengadakan skim galakan** kepada para pemodal. Skim galakan merupakan daya tarikan yang penting untuk **menggalakkan pengusaha tempatan yang baru menerokai bidang perniagaan dan pelaburan**. Dalam usaha ini, kerajaan telah memberi beberapa **kelebihan kepada pemodal yang bertaraf perintis** seperti **pengecualian cukai** untuk tempoh tertentu. Hal ini secara tidak langsung dapat merealisasikan cita-cita melahirkan bangsa Malaysia yang maju.

Pengusaha tempatan juga perlu **terlibat dalam pameran perdagangan antrabangsa**. Dengan ini mereka boleh **dedahkan diri dalam pasaran antarabangsa**. **Pendedahan dalam ekonomi global** akan menjadi pemangkin dalam melahirkan bangsa Malaysia yang maju.

Langkah **menggalakkan penggunaan teknologi maklumat** untuk aktiviti ilmiah perlu digalakkan. **Teknologi digital** perlu menjadi budaya rakyat negara ini. Contohnya, **pengenalan E-Wallet, E-sukan dan E-dagang** perlu dilakukan secara agresif agar rakyat negara ini menjadi bangsa yang maju sejajar dengan perkembangan globalisasi.

Langkah mengatasi kebergantungan kepada tenaga kerja luar adalah **menggalakkan rakyat tempatan merebut pekerjaan** dalam pelbagai industri. Kerajaan perlu **meningkatkan keselesaan tempat kerja**. Usaha kerajaan **meningkatkan gaji minimum** perlu dilakukan secara konsisten. Ini dapat memupuk dan membina masyarakat makmur. Rakyat negara ini perlu merebut peluang yang dibuka oleh kerajaan untuk memasuki pasaran kerja. Dalam belanjawan negara 2020, kerajaan telah mulakan **kempen # Malaysiakerja**. Golongan muda perlu merebut peluang ini jika ingin menjadi bangsa Malaysia yang maju.

**20. Cabaran dan langkah: Membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu. [10 markah]**

Cabaran pertama adalah **perkembangan politik perkauman** boleh menimbulkan perasaan kurang senang dalam kalangan rakyat dan menyebabkan perpaduan kaum tidak dapat dicapai. Terdapat **parti-parti politik yang menggunakan isu-isu perkauman** seperti bahasa, kebudayaan, pendidikan, agama, kerakyatan, dan ekonomi sebagai modal politik dan menimbulkan rasa kurang senang dikalangan masyarakat. Mereka cuba **menjadi jaguh dalam memperjuangkan hak dan kepentingan sesuatu kaum dan mengabaikan konsep perpaduan**.

Langkah yang boleh diambil adalah **melahirkan parti yang memulakan kerjasama kaum dalam sebuah parti**. Rakyat negara ini perlu **menolak parti bersifat perkauman** dalam pilihan raya negara. Pemimpin parti juga perlu **memperjuangkan isu-isu kepentingan nasional**. Parti-parti politik juga perlu **membuka keahlian partinya kepada semua kaum**.

Cabaran kedua adalah **penyalahgunaan media sosial** untuk meluahkan emosi tanpa menyedari tindakan itu akan memberikan kesan kepada perpaduan bangsa Malaysia. **Media sosial seperti web dan blog serta facebook** menyebabkan timbulnya kerenggangan kaum kerana banyak **menimbulkan isu sensitif**. Beberapa laman web yang bebas bergerak telah memperkatakan begitu banyak isu bersifat sensitif di **samping menaburkan fitnah serta berita palsu** menyebabkan wujudnya keresahan dalam masyarakat di negara ini. Beberapa **kenyataan bersifat rasis dan berunsur perkauman** begitu berleluasa pada masa sekarang. Kesannya, **timbul rasa benci dan dendam dalam masyarakat** yang mampu mencabar pembentukan bangsa Malaysia.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia perlu **mengambil tindakan yang tegas** ke atas golongan yang menyebarkan berita palsu yang mencetuskan konflik perkauman. Pengguna media sosial juga **perlu memiliki sikap bertanggungjawab** sebelum menyebarkan sebarang maklumat melalui media sosial. Golongan yang menerima maklumat menerusi media sosial **perlu mengkaji kesahihan sesuatu berita** sebelum menghantar kepada orang lain.

**21. Ancaman dan langkah : Mengatasi keruntuhan perpaduan kaum [10 markah]**

**Ancaman yang boleh meruntuhkan perpaduan kaum ialah pengaruh media sosial**. Segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab bertindak memanipulasi berita sensasi di media sosial. Hal ini berlaku kerana **pihak tersebut yang tidak bertanggungjawab** menggunakan media sosial **menyebarkan berita tidak benar** yang boleh menjejaskan keharmonian. Contohnya **kes kuil Sri Maha Mariamman di USJ 25, Subang Jaya** yang tular di media sosial boleh **mengguris sentimen perkauman** dan sensitiviti masyarakat majmuk di negara ini. Berita provokasi seperti ini boleh **membangkitkan ketidakpuasan hati dan mengundang tindak balas daripada pihak yang tidak berpuas hati** dengan berita tersebut.

Sebagai warganegara yang cinta akan negara, ancaman dapat saya atasi dengan **berhati-hati apabila menggunakan media sosial** agar **tidak terpengaruh dengan berita-berita palsu** yang disebar. Saya juga akan **mendapatkan kepastian** mengenai berita palsu yang tular di media sosial dengan **menonton berita dan membaca akhbar-akhbar tempatan**. Apabila mendapat berita daripada **sumber yang sah**, saya tidak akan terpengaruh dengan berita palsu yang disebar.

**Sikap remaja yang leka dengan hal keduniaan dan hiburan** yang berlebihan menjadi ancaman besar terhadap perpaduan. Tambahan pula **masalah sosial** seperti **penagihan dadah** dalam kalangan remaja juga turut menjadi faktor yang meruntuhkan perpaduan. Remaja yang mementingkan hiburan dan keseronokan **tidak mempunyai masa** untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti **bergotong-royong dan Hari Keluarga** yang dianjurkan di kawasan-kawasan perumahan. Padahal semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat dapat dipupuk ketika mereka **menjalankan aktiviti secara bersama**.

Selain itu, saya juga akan **belajar bersungguh-sungguh** untuk **menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran**. Dengan itu, saya akan **dapat meningkatkan disiplin diri dan tidak akan mudah terpengaruh dengan unsur hiburan yang melalaikan**. Oleh itu, sebagai remaja yang mempunyai jati diri, saya **akan melibatkan diri dalam setiap aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan**. Di samping itu, saya juga akan melibatkan diri dalam **aktiviti kokurikulum** di sekolah. Dengan penglibatan tersebut saya dapat **bergaul dengan rakan-rakan yang berbangsa lain**. Apabila menjalankan aktiviti bersama-sama kami akan **berinteraksi dan saling memahami**. Oleh itu, **perpaduan yang dipupuk sejak bangku sekolah ini akan berterusan** sehingga menginjak usia dewasa.

**Parti politik berasaskan kaum** juga merupakan ancaman yang boleh meruntuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini. Majoriti parti politik di negara ini ditubuhkan berasaskan kaum masing-masing. Contohnya seperti **UMNO dan PAS untuk orang Melayu, MCA, PAP dan DAP untuk orang Cina, manakala MIC untuk orang India**. Parti-parti tersebut **memperjuangkan isu-isu mengenai bahasa, budaya, agama kerakyatan dan ekonomi untuk kepentingan kaum masing-masing**. Ketika berkempen menjelang pilihanraya, isu-isu ini dijadikan **topik hangat oleh ahli politik**. Secara tidak sedar hal ini boleh **menimbulkan syak wasangka** terhadap kaum lain. Hal ini berlaku kerana setiap kaum akan **berusaha untuk mendapatkan hak yang sama rata** sehingga mengabaikan kontrak sosial yang sudah dipersetujui sekian lama.

Seterusnya, untuk mengatasi masalah politik perkauman yang berlaku pada hari ini, saya akan **bertindak secara rasional dan tidak terpengaruh dengan isu-isu perkauman** yang dimainkan oleh parti-parti politik. Saya akan mencadangkan agar semua pihak **menghormati Undang-undang dan perlembagaan negara**. Bahagian II Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan peruntukan bagi **menjamin kebebasan asasi manusia**. Salah satu kebebasan asasi adalah **kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan yang terkandung dalam perkara 10**. Kebebasan bersuara yang dimaksudkan ialah **masyarakat bebas bersuara tetapi dilarang menyentuh sensitiviti kaum-kaum lain**. Oleh itu, jika **ahli politik yang berkempen semasa pilihanraya menghormati peruntukan ini**, maka tidak akan berlaku sebarang syak wasangka dalam kalangan masyarakat dan **perpaduan dapat diperkukuh**.

## 22. Usaha berterusan membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu.

[10 markah]

Usaha yang diambil oleh kerajaan untuk membentuk bangsa Malaysia yang bersatu-padu. Selepas mencapai kemerdekaan **institusi raja berperlembagaan terus dikekalkan**. **Kedudukan raja-raja dilindungi** dalam perlembagaan Malaysia. Yang Dipertuan Agong merupakan **simbol keutuhan dan perpaduan rakyat negara ini**. Selaku ketua negara, baginda **mengetuai tiga badan iaitu Badan Perundangan, Badan Pemerintah dan Badan Kehakiman**. Baginda bebas daripada fahaman politik dan berperanan **pelindung semua rakyat negara ini**. Rakyat Malaysia **menjunjung kedaulatan pemerintahan Yang Dipertuan Agong**. Rakyat negara ini **menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada raja** yang menjadi payung pelindung bangsa Malaysia. Ini membantu untuk membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu dan berdaulat.

Rukun Negara **menjadi ideologi negara** yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 . Ideologi negara ini diumumkan **selepas peristiwa 13 Mei 1969**. Dalam pembinaan negara dan bangsa, rakyat pelbagai kaum **disatukan melalui 5 prinsip** yang dapat **memenuhi dan diterima pakai semua rakyat** Malaysia. Matlamat rukun negara adalah untuk **mengkukuhkan perpaduan dan memelihara corak hidup demokratik**. Prinsip prinsip rukun negara adalah usaha **melahirkan bangsa Malaysia yang bersikap liberal dan progresif**.

**Pendidikan** merupakan usaha kerajaan dalam memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional . Selepas mencapai kemerdekaan, kerajaan Malaysia berusaha membina bangsa Malaysia bersatu padu dan berdaulat melalui **Dasar Pendidikan Kebangsaan**. Dasar Pendidikan Kebangsaan bermatlamat **menyeragamkan sistem pendidikan negara**, dari aspek kurikulum, buku teks, peperiksaan, latihan perguruan dan sukatan pelajaran di semua sekolah vernakular di negara ini. Sejak tahun 1955 hingga 197-an pelbagai laporan dan penyata pendidikan dikeluarkan dengan matlamatnya membina negara dan bangsa Malaysia yang bersatu padu. **Contohnya, Penyata Razak (1955 ) dan Falsafah Pendidikan Negara menjadi pelengkap** kepada dasar Pendidikan Kebangsaan. Falsafah Pendidikan Negara jelas menunjukkan **hala tuju untuk melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan dan berketerampilan**.

Usaha yang seterusnya ialah **memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan** . Antaranya, kerajaan menubuhkan **Dewan Bahasa dan Pustaka 1956** dan **penutupan sekolah pengantar bahasa Inggeris dan ditukarkan kepada bahasa kebangsaan** mulai tahun 1982. Terbukti kerajaan Malaysia membina bangsa Malaysia bersatu padu melalui penggunaan Bahasa Kebangsaan . Kedudukan bahasa Melayu **bukan sahaja sebagai bahasa kebangsaan tetapi juga untuk menjamin perpaduan**. Bahasa Melayu dijadikan identiti negara. Contohnya, pengenalan **Akta Bahasa Kebangsaan 1967** adalah memastikan masyarakat pelbagai kaum negara ini **mengutamakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dalam upacara rasmi**. Bahasa Melayu bukan sahaja sekadar media komunikasi tetapi **menjadi identiti** negara dan bangsa Malaysia.

Seterusnya, Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal adalah untuk menjadi panduan dalam **membentuk dan mengekalkan identiti bangsa** Malaysia. Objektif Dasar Kebudayaan Kebangsaan **memperkuh perpaduan melalui kebudayaan** serta **memupuk dan memelihara keperibadian kebudayaan**. Tiga prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah, **kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang, unsur unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai boleh diterima** dan Islam menjadi unsur terpenting. Usaha kerajaan adalah bertujuan **memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan dari aspek kemanusiaan dan kerohanian** dalam pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu.

**23. Cabaran dan langkah : Untuk menggalakkan penyertaan seluruh anggota masyarakat dalam proses pembinaan negara dan bangsa yang kukuh .**

**[10 markah]**

Cabaran pertama untuk menggalakan penyertaan seluruh anggota masyarakat dalam proses pembinaan negara dan bangsa adalah **sikap masyarakat yang individualistik**. Terdapat segelintir masyarakat yang **mengutamakan kepentingan peribadi daripada kepentingan nasional**. Golongan ini **tidak berminat aktiviti kermasyarakatan**. Golongan masyarakat ini mahu **memastikan “periuk nasi”nya tidak diganggu**. Mereka tidak peduli perkara perkara yang berlaku sekitarnya. Dalam situasi masyarakat yang mengejar materialistik usaha melibatkan semua kaum dalam pembinaan negara dan bangsa sememangnya tercabar.

Langkah untuk mengatasi cabaran ini adalah **memupuk semangat kekitaan** menerusi pelbagai **aktiviti kemasyarakatan**. Usaha **mengadakan kempen “negara kita tanggungjawab kita”** perlu diperhebatkan. **Amalan bergotong- royong** perlu dibudayakan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Cabaran kedua adalah **perkembangan pemikiran liberalisme dan kemunculan puak yang bersikap politik ekstremisme** . Golongan pemikiran liberalisme mentafsirkan sesuatu situasi mengikut kehendaknya. Golongan ini **mencabar kontrak sosial** yang telah dipersetujui bersama. Golongan ini **membangkitkan fahaman “semua orang dapat hak sama rata”** dan **mempertikaikan kedudukan keistimewaan orang Melayu serta sistem kuota** dalam hal sistem pendidikan dan perkhidmatam awam serta lesan perniagaan dan perdagangan. Golongan liberalisme ini **mencabar perlembagaan negara** yang telah ditandatangani bersama. Mereka **menyebarkan fahaman ekstremisme politik** ini dalam kalangan generasi muda yang begitu mudah terpedaya. **Golongan “buta sejarah “** ini menjadi satu cabaran dalam menggalakan penyertaan seluruh anggota masyarakat dalam proses pembinaan negara dan bangsa.

Langkah mengatasinya ialah kerajaan perlu **memulakan pendidikan perlembagaan** dalam sistem pendidikan negara. Kandungan **perlembagaan perlu diajar secara formal** oleh golongan pendidik yang terlatih. Usaha **menyebarkan kandungan Perlembagaan Malaysia** juga boleh dilakukan melalui media sosial, media elektronik dan media cetak. Penyebaran kandungan perlembagaan negara akan membolehkan semua rakyat negara ini mendapat **maklumat yang betul dan sah**. Dengan pemahaman ini rakyat akan **menghayati perlembagaan secara terperinci** dan akan bersama sama akan menyertai dalam proses pembinaan negara dan bangsa.

Cabaran ketiga adalah **sikap masyarakat tidak mahu bertoleransi dan kebimbangan** akan **hilang identiti kaumnya**. Timbul ketakutan dan **kesangsian ke atas usaha usaha kerajaan** dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Golongan ini **memandang semua usaha kerajaan sebagai satu ancaman menghapuskan identiti kaumnya**. Setiap usaha kerajaan dalam membentuk negara dan bangsa Malaysia tidak dapat sambutan malahan menerima penentangan yang berterusan. **Contohnya, pengenalan tulisan jawi** dalam subjek bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah menerima kritikan yang hebat dan dituduh satu usaha menghapuskan identiti sekolah kaum tertentu.

Langkah mengatasi cabaran ini adalah **wakil rakyat kawasan Parlimen dan ADUN** perlu **memainkan peranan** sebagai penyebar maklumat. Pemimpin-pemimpin ini **perlu turun ke padang dan mengadakan sesi penerangan** bersama NGO kaum masing masing. Pemimpin akar umbi ini perlu **menjelaskan kepentingan pembinaan negara dan bangsa**

Malaysia dan proses ini cuma akan berjaya jika semua kaum negara ini **sanggup mengikikiskan semangat perkauman yang menebal.**

24. **Cabaran dan langkah: Memastikan prinsip-prinsip PTM 1957 terus dipertahankan.**

**[10 markah]**

Antara cabaran untuk memastikan prinsip-prinsip Perlembagaan Kemerdekaan 1957 perlu dipertahankan ialah **pendirian masyarakat berbilang kaum** di negara kita yang **mementingkan kepentingan kaum** masing-masing. Hal ini kerana, mereka menginginkan **hak keistimewaan yang sama** seperti mana yang diperoleh kaum bumiputera. Sebagai contoh, mereka turut **menuntut agar mereka diberikan jawatan** dalam perkhidmatan awam, biasiswa, kemudahan pendidikan dan pemberian lesen perniagaan serta perdagangan sebagaimana yang diperuntukkan kepada kaum bumiputra.

Langkah mengatasi cabaran pendirian masyarakat yang berbilang kaum ialah masyarakat perlu **memahami kandungan Perlembagaan Malaysia 1957** yang **menjamin hak istimewa orang Melayu**. Perkara-perkara sebegini **tidak boleh dipersoalkan** secara terbuka kerana boleh menimbulkan perbalahan antara kaum di negara ini. Contohnya **Akta Hasutan 1970** menghadkan seseorang individu daripada bercakap sewenang-wenangnya sehingga menyentuh perkara sensitiviti yang menjejaskan keharmonian kaum.

Selain itu, isu agama juga menjadi cabaran seperti **kebebasan menukar agama** tanpa persetujuan ibu bapa bagi individu yang berumur 18 tahun ke atas. Hal ini berlaku disebabkan faktor **perkahwinan berlainan agama** menyebabkan terdapat **remaja Islam yang murtad** kerana ingin mengahwini pasangan bukan Islam. Situasi ini **bercanggah dengan undang-undang Islam** yang tidak membenarkan seseorang Islam menukar agamanya sewenang-wenangnya.

Bagi menangani isu agama, ibu bapa perlu menerapkan **didikan ajaran agama** kepada anak-anak semenjak dari kecil lagi. Sekiranya ibu bapa tidak berkemampuan untuk mengajar anak-anak dalam soal keagamaan, mereka seharusnya **mendapat bantuan dan bimbingan** daripada guru atau ilmuan Islam bagi **membimbing anak-anak mereka** dalam selok belok keagamaan. **Pengetahuan tentang agama** yang dimiliki anak-anak akan menjadi benteng untuk menghadapi sebarang cabaran yang boleh mengugat akidah mereka.

Cabaran yang seterusnya ialah **kedudukan raja** sebagai ketua negara dan negeri juga dicabar secara sengaja tanpa rasa bersalah. Sering kali **penghinaan terhadap raja-raja Melayu** sering dipaparkan dalam media sosial secara terbuka. Seharusnya institusi beraja perlu dihormati dan dipertahankan bukannya dihina dan **diperlekehkan** oleh individu yang tidak patriotik.

Langkah yang terakhir bagi mengatasi cabaran kedudukan raja ialah **pihak kerajaan perlu tegas** dalam penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan institusi beraja. **Akta Hasutan 1970** boleh digunakan untuk menghalang perkara yang berkaitan dengan pemerintahan beraja tidak disentuh secara tidak bermoral. Prinsip kedua Rukun Negara menuntut semua rakyat Malaysia memberikan **kesetiaan kepada raja dan negara**. Raja sebagai **simbol penyatuan rakyat** dan pelindung hak istimewa peribumi. Penderhakaan kepada raja bermaksud penderhakaan kepada negara.

Kesannya, setiap rakyat haruslah memastikan prinsip-prinsip Perlembagaan Kemerdekaan 1957 terus dipertahankan bagi **mewujudkan sebuah negara dan bangsa yang berdaulat.**

**25. Cabaran dan langkah : Pembentukan pakatan murni hingga hari ini.**

**[10 markah]**

Cabaran yang dihadapi dalam pembentukan pakatan murni ialah kemunculan **parti berasaskan kaum** iaitu parti UMNO dan PAS dianggotai oleh orang Melayu manakala MCA dianggotai oleh orang Cina dan MIC dianggotai oleh orang India. Hal ini menyebabkan parti-parti politik ini **memperjuangkan hak dan kepentingan kaum** masing-masing iaitu **hak sama rata** seperti yang termaktub dalam perlembagaan iaitu **kuota dalam pendidikan** dan **hak istimewa orang Melayu** dipersoalkan. Jelaslah bahawa parti politik berasaskan kaum telah menjadi cabaran dalam pembentukan pakatan murni.

Langkah bagi mengatasi cabaran dalam pembentukan pakatan murni ialah **kebijaksanaan pemimpin** mendukung **konsep kerjasama dan tolak ansur** antara kaum dalam **menangani konflik** yang timbul. Masalah yang wujud perlu diselesaikan melalui **rundingan** supaya tidak berlaku **pertelingkahan** antara kaum dan suasana harmoni dapat diwujudkan. Antara usaha kerajaan untuk mengekalkan semangat pakatan murni ialah **perkongsian kuasa dalam pentadbiran negara**. Setiap kaum seperti Melayu, Cina dan India mempunyai **peluang yang sama rata** untuk memegang jawatan dalam pentadbiran negara. Ini membuktikan kerajaan **menolak politik perkauman** dan **tidak mementingkan kaum sendiri** dalam memenuhi jawatan dalam kerajaan. Contohnya, kerajaan baharu Pakatan Harapan (PH) adalah **gabungan parti politik** pelbagai kaum seperti PKR, DAP, Bersatu dan lain-lain. Ini menunjukkan **kesamarataan** penting dalam mewujudkan sistem politik yang stabil

Di samping itu, cabaran yang dihadapi dalam pembentukan pakatan murni ialah disebabkan oleh kewujudan **sistem pendidikan pelbagai aliran dan bahasa** yang wujud sejak zaman penjajahan British lagi. Pengenalan **sekolah vernakular** seperti sekolah Inggeris, sekolah Tamil dan sekolah Cina, sekolah Melayu telah **menyukarkan integrasi nasional** kerana menggunakan **bahasa ibunda** sebagai **bahasa pengantar**. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya **jurang pergaulan** kerana **masalah komunikasi** telah **menjejaskan persefahaman** dan **perhubungan sesama rakyat** di negara ini. Jelaslah bahawa sistem pendidikan pelbagai aliran telah menyukarkan pembentukan warganegara yang beridentitikan bangsa Malaysia.

Seterusnya, langkah mengatasi cabaran ialah pemimpin berusaha **memperkasakan sistem pendidikan** negara dengan menyusun semula **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)** bermula pada tahun 2013-2025. Usaha ini adalah untuk melahirkan **modal intelek** yang boleh **menyumbangkan idea dan usaha** ke arah pembangunan negara. Dalam PPPM telah disusun dengan teliti **merangkumi kandungan kurikulum dan kokurikulum**. Penekanan kepada **penglibatan murid dalam aktiviti** kurikulum, kokurikulum dan sukan. Selain itu, penekanan kepada **subjek Sejarah** dan menjadikan mata pelajaran **wajib lulus dalam SPM** bermula pada tahun 2013. Kerajaan telah **menubuhkan sekolah wawasan** yang merupakan tempat yang terbaik untuk memulakan **proses integrasi** antara kaum. Sekolah wawasan menyediakan **ruang dan peluang** untuk murid-murid pelbagai **kaum berinteraksi secara langsung** kerana mereka berkongsi kemudahan di sekolah seperti kantin, padang permainan, dewan dan kemudahan lain. Dengan itu, mereka akan menjadi generasi yang mengamalkan **sikap toleransi** dan **hormat terhadap budaya dan agama kaum lain**. Tegasnya, bidang pendidikan menjadi salah satu **mercu kejayaan** negara mengekalkan perpaduan rakyat di negara ini.

**26. Cabaran dan langkah : Dalam membina negara dan bangsa yang berdaulat [10 markah]**

Cabaran pertama yang dihadapi dalam proses membina negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat ialah **kemunculan masyarakat majmuk** yang berlainan budaya, bahasa, agama dan kepercayaan. Keadaan ini berlaku kerana **imigran tidak berpeluang mengenali sosiobudaya tempatan** dan **memandang rendah** budaya masyarakat tempatan. Hal ini terjadi akibat daripada **dasar pecah dan perintah** British.

Langkah pertama untuk mengatasi cabaran kemunculan masyarakat majmuk ialah dengan melaksanakan **Dasar Sukan Negara**. Dasar ini memainkan peranan sebagai **alat perpaduan** tanpa mengira ideologi. Sukan dapat **menyemarakkan semangat patriotik** dalam kalangan rakyat. Aktiviti sukan tidak menghadkan penyertaan kaum tertentu sahaja malah **membuka peluang** kepada yang menunjukkan bakat dan kecemerlangan. Contohnya, pasukan bola sepak negara yang memiliki pemain yang terdiri daripada pelbagai kaum akan menyumbang kepada **penyatuan rakyat** negara ini. Oleh itu, semua rakyat Malaysia akan menyokong pasukan Malaysia tanpa mengira perbezaan politik, agama dan budaya. Dengan ini, proses pembinaan negara dan bangsa yang berdaulat dapat dibentuk.

Seterusnya, cabaran kedua ialah kewujudan **sistem pendidikan pelbagai aliran atau vernakular** yang menggunakan **bahasa ibunda** kaum masing-masing sebagai bahasa pengantar. Murid-murid pelbagai kaum **dipisahkan** melalui sistem pendidikan yang tidak sama sejak sekolah rendah. Secara tidak langsung, perpaduan kaum bagi memperkukuh kedaulatan akan terbantut.

Oleh itu, langkah untuk mengatasi cabaran tersebut ialah melalui penggunaan **Bahasa Melayu** sebagai **bahasa kebangsaan** yang perlu diamalkan oleh semua kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Hal ini akan **mengukuhkan hubungan** yang erat dalam masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai bahasa ibunda, perbezaan agama dan budaya.

Selain itu, **fenomena globalisasi** merupakan cabaran ketiga dalam proses pembinaan negara dan bangsa yang berdaulat. Hal ini termasuklah **pengaruh budaya asing** yang negatif yang menyumbang kepada berlakunya **peningkatan kes jenayah** serta **masalah sosial** yang berlaku dalam kalangan generasi muda sekaligus **memudahkan kemasukan anasir yang tidak sihat**.

Maka, langkah untuk mengatasi cabaran yang ketiga ialah **mengawal fenomena globalisasi** dengan cara **menapis pengaruh** atau budaya asing yang tidak bermoral melalui **kawalan terhadap media massa** supaya anasir luar **tidak menular** dalam kalangan generasi muda dengan sewenang-wenangnya.

Di samping itu, cabaran keempat ialah **kurangnya penghayatan semangat patriotik** dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini akan menyebabkan timbulnya **sikap mementingkan diri sendiri** yang menjurus kepada **sikap materialistik**. Natijahnya, semangat cinta akan kedaulatan negara menjadi longgar.

Untuk mengatasi cabaran yang keempat ialah dengan **menghayati prinsip Rukun Negara** serta menanamkan sikap cinta akan negara **melalui mata pelajaran Sejarah** yang telah menjadi subjek wajib lulus di peringkat SPM. Malah, **program sempena Hari Kebangsaan** juga mampu menyemaikan amalan patriotisme.

Akhir sekali, cabaran yang kelima ialah **kekurangan teknologi terkini** yang canggih dalam bidang ketenteraan. Hal ini akan mengakibatkan **sistem pertahanan dan keselamatan negara akan menjadi longgar** yang akhirnya mendorong kepada **ancaman** daripada negara jiran dan musuh negara.

Sebagai langkah untuk mengatasi cabaran yang kelima ialah dengan **meningkatkan kemudahan serta teknologi ketenteraan** yang lebih canggih sebagai persediaan **mengawal sempadan negara** daripada ancaman negara jiran dan musuh negara. Oleh itu, **kedaulatan negara akan sentiasa terpelihara**.

**27. (i) Cabaran : Mengekalkan semangat Pakatan Murni pada hari ini [10 markah]**  
**(ii) Usaha / Langkah : Menyemai semangat Pakatan Murni pada hari ini [10 markah]**

Cabaran pertama dalam mengekalkan semangat pakatan murni adalah **kegagalan generasi muda hari ini gagal menghayati perjuangan** dan pengorbanan masyarakat sebelum mencapai kemerdekaan. Golongan generasi hari ini **menikmati kehidupan yang bebas tanpa pengalaman kezaliman penjajah**. Akibat kenikmatan hidup ini **mereka alpa tentang liku liku perjuangan kemerdekaan**. Tambahan pula golongan ini juga **buta sejarah tanpa menghargai tokoh tokoh kemerdekaan**. Mereka juga **memperlekehkan perjuangan pasukan keselamatan negara**.

Cabaran kedua adalah golongan generasi muda ini **mengutamakan hiburan** dan melalaikan perkara seperti pembinaan negara dan bangsa. Bagi generasi muda ini, tindakan tindakan yang selari dengan **semangat pakatan murni adalah bersifat passif**. Mereka **bertindak agresif dalam mencari jalan penyelesaian**.

Cabaran ketiga adalah generasi pada hari ini **meluahkan emosi mereka melalui media sosial tanpa kawalan**. Ini mengeruhkan hubungan antara kaum. Komen komen dalam facebook, instagram **tersebar luas dan cepat**. Biarpun pihak berkuasa menguat kuasakan undang undang ke atas pelaku tetapi tindakan itu cuma dapat **dilakukan selepas keadaan menjadi keruh**.

ii) Usaha : **Menyemai semangat Pakatan murni pada hari ini.**

Antara usaha yang boleh dilakukan dalam menyemai semangat pakatan murni adalah melauai **penerapan nilai nilai patriotisme dalam pendidikan formal**. Subjek **Sejarah perlu dirombak**. **Perjuangan pemimpin tempatan** perlu menjadi kandungan dominan dalam buku teks sejarah. Mata pelajaran sejarah juga perlu **berfokus membina jati diri anak Malaysia**.

**Pendidikan sivik dan kewarganegaraan perlu diberikan nilai tambah**. Pengajaran subjek ini perlu dijalankan secara teratur sehingga mencapai matlamatnya.

Pemimpin negara perlu **menjadi teladan yang baik**. Semangat pakatan murni seperi **musyawarah, toleransi serta penyelesaian masalah secara perundingan** perlu menjadi etika pentadbiran negara. **Pemimpin tidak patut memberikan komen secara terbuka** dalam hal hal yang melibatkan isu perkauman. Pemimpin perlu **menyuarakan isu isu berkaitan kaumnya dalam saluran yang betul**.

**Kementerian Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional** perlu menjadikan usaha menyebarkan **propaganda semangat pakatan murni sebagai agenda utama**. Kementerian ini boleh **mengadakan jerayawara** ke seluruh negara tentang semangat pakatan murni. **Aktiviti-aktiviti menyemai semangat pakatan murni perlu disusun** agar menarik penglibatan golongan muda.

## IKTIBAR / NILAI MURNI

(Pelajar sila rujuk pada soalan sekiranya bab 3 pilih jawapan anda no 28 dan begitu seterusnya)

### 28.T5 Bab 3: Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa.

[10 markah]

**Iktibar** yang diperoleh daripada tajuk Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa ialah kita mestilah **mengamalkan sikap hormat-menghormati** antara satu sama lain kerana kita mempunyai **pandangan dan amalan hidup yang berbeza**. Hal ini dikatakan demikian kerana wujud **pelbagai tafsiran terhadap ideologi dan pendapat** namun **perpaduan negara** tetap diamalkan.

Pembentukan negara bangsa Malaysia yang kukuh patutlah bermula dari kesediaan setiap warga negara yang terdiri dari pelbagai kaum mengamalkan sikapmtolak ansur dan kedederhanaan. Setiap kaum mesti sanggup berkongsi secara bijak dalam bidang politik , ekonomi dan sosial bagi memperkukuhkan pembinaan negara dan bangsa Malaysia

Selain itu, kita perlulah **menghargai warisan bangsa** sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka **seperti menghormati kedudukan sultan atau raja, menjunjung nilai-nilai murni** dalam agama Islam dan agama-agama lain serta **memartabatkan bahasa Melayu** sebagai bahasa perpaduan. Malah, **kedaulatan negara haruslah dijagai bersama bagi mengekalkan keamanan**. Jelaslah bahawa perpaduan dapat diperkukuh apabila wujud semangat hormat menghormati dalam kalangan masyarakat.

### 29. T5 Bab 4: Pembinaan Negara dan Bangsa Malaysia

[10 markah]

**Iktibar** yang diperoleh daripada tajuk **Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa Malaysia** ialah **kerjasama pelbagai kaum** telah menyatukan masyarakat dalam pembinaan negara melalui **semangat juang yang tinggi** dalam peristiwa penentangan terhadap Malayan Union.

Seterusnya, **konsep Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, institusi raja telah dipulihkan, kerakyatan diperketatkan dan perlindungan terhadap orang Melayu telah menjadi asas kepada bentuk pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia yang merdeka.**

Kita **menolak budaya ekstremisme dan pendekatan yang radikal** dalam penyelesaian masalah.Hal ini terbukti menerusi **cara orang Melayu menentang Malayan Union 1946**.Sikap **politik Melayu yang sederhana** ini telah **mendorong British menerima kehendak mereka**.Orang Melayu tidak **mengangkat senjata** tetapi **menunjukkan ketegasan** membantah Malayan Union. Malah, orang Melayu **bersikap rasional dalam mengadakan sebarang rundingan untuk kepentingan bersama**. Orang Melayu juga membuktikan bahawa dengan **perpaduan adalah kekuatan penting** dalam usaha **mempertahankan maruah negara dan bangsa**.

### 30. T5 Bab 5: Pembinaan Negara dan Bangsa yang Merdeka.

[10 markah]

Iktibar yang diperoleh daripada tajuk **Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa yang Merdeka** ialah **kebijaksanaan pemimpin** mengatur strategi perjuangan melalui Sistem Ahli. Anggota Sistem Ahli telah diberi **pendedahan dan latihan awal** dalam pentadbiran negara. Selain itu, kita hendaklah **mengamalkan pendekatan musyawarah** dalam **menyelesaikan sesuatu masalah**. Pemimpin dan rakyat Malaysia **bertoleransi** antara satu sama lain untuk memperkukuh melalui pakatan murni.

Perjuangan membentuk sebuah negara dan bangsa yang merdeka **menuntut pengorbanan yang besar**. Setiap kaum dalam negara ini telah **bertolak ansur dalam menerima perubahan** dan pembaharuan demi membina negara dan bangsa yang beridentitikan Malaysia. Rakyat **berfikiran terbuka** dan **sedia mengatasi isu yang timbul secara perundingan**. **Konsep musyawarah** dijadikan pendekatan bagi mengatasi segala kemelut politik.

Para pemimpin negara, Tunku Abdul Rahmah, Tan Cheng Lock dan Tun. V.T. Sambantan merupakan **pemimpin yang berwawasan** untuk masa hadapan negara. Mereka berusaha **mencapai kemerdekaan negara tanpa pertumpahan darah**. **Sikap bekerjasama** dan sentiasa mengutamakan perundingan telah menghasilkan kejayaan. Contohnya, **Rombongan Kemerdekaan ke London telah membuat rundingan** bersama British yang telah berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956.

### 31. Bab 6: Pengukuhan Negara dan Bangsa Malaysia

[10 markah]

Iktibar yang diperoleh daripada tajuk **Pengukuhan Negara dan Bangsa Malaysia** ialah sikap **tolak ansur** perlulah diterapkan dalam kalangan generasi muda agar dapat **menyemai semangat perpaduan** berterusan. Justeru, perpaduan dapat **menjamin kesejahteraan** rakyat dan mengekalkan **kedaulatan Negara** dan mengekalkan kemerdekaan negara kita.

Dalam usaha pembentukan gagasan Malaysia, kita mendapat iktibar agar **mengambil kira pandangan orang lain** dalam membuat keputusan. Sebelum penyatuan wilayah Sabah dan Sarawak dalam gagasan Malaysia, pelbagai langkah telah diambil untuk **memberikan penerangan dan mendapatkan pandangan daripada** penduduk kedua-dua wilayah ini. Contohnya, **Penubuhan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) dan Jawatankuasa Antara Kerajaan** adalah antara usaha yang dibuat untuk **memastikan hak dan kepentingan** penduduk Sabah dan Sarawak terjamin selepas menyertai Malaysia 1963.

Selain itu, kita haruslah **bertindak secara rasional** dalam menghadapi sebarang masalah. Contohnya, pemimpin Malaysia **berusaha untuk memulihkan hubungan diplomatik** dengan Indonesia dan Filipina yang keruh selepas pembentukan Malaysia **melalui penubuhan MAPHILINDO**. Malah, kita juga haruslah **mencontohi kebijaksanaan pemimpin terdahulu** yang **membuat pertimbangan** dalam melaksanakan sesuatu perkara. Contohnya, **tindakan Tunku Abdul Rahman yang mengambil kira faktor** politik, ekonomi dan sosial sebelum mengumumkan rancangan penubuhan Malaysia.

**32. T5B5 : Iktibar daripada pakatan murni antara kaum sebelum mencapai kemerdekaan negara [10 markah]**

Iktibar daripada pakatan murni yang dibentuk sebelum negara mencapai kemerdekaan adalah **pembinaan negara dan bangsa dapat dilakukan tanpa kekerasan**. **Kerjasama politik dan rundingan** boleh dijadikan elemen dalam pembinaan negara dan bangsa yang merdeka. Rakyat negara ini menolak dengan cara pembentukan negara bangsa Eropah iaitu melalui **kaedah real politik**. Rakyat negara ini **cintakan kedamaian** mereka **tidak sanggup melakukan perkara yang bertentangan** dengan anutan agama masing-masing.

Iktibar kedua yang kita dapat adalah, **pemuafakatan politik** masih boleh dicapai antara parti pelbagai kaum. Contohnya, Gabungan UMNO-MCA telah **mengasaskan pembentukan Parti Perikatan**. Biar pun pada peringkat awal ia dianggap sesuatu yang mustahil tetapi **kejayaan Parti Perikatan dalam pilihan raya** pelbagai Bandaran, Negeri dan Persekutuan membuktikan rakyat pelbagai kaum negara ini memberikan sokongan dan **memastikan kepentingan negara mendahului kepentingan diri sendiri**. Sehingga hari ini kejayaan Malaysia adalah hasil sikap masyarakat kita yang **mengamalkan sikap kesederhanaan** dalam penyelesaian masalah. Inilah **intipati semangat pakatan murni yang perlu dipupuk** oleh generasi muda hari ini.

**RUMUSAN (5 markah)**

**Pengetahuan**

Konsep bangsa Malaysia merupakan **konsep baru** bagi rakyat berbilang kaum yang mempunyai perbezaan dari segi bahasa, budaya, kepercayaan dan pendapat terhadap keduniaan.

Pembentukan bangsa Malaysia merupakan **hasil perjuangan dan pengorbanan** generasi terdahulu dalam menuntut kemerdekaan.

Perjuangan membentuk sebuah negara dan bangsa yang merdeka **memerlukan kebijaksanaan** pemimpin dalam penyelesaian kemelut politik negara melalui rundingan.

**Nilai**

Kejayaan pembentukan negara bangsa di Malaysia bergantung kepada **kesediaan** setiap warganegara yang terdiri daripada pelbagai kaum mengamalkan sikap **tolak ansur** dan kesederhanaan.

**Kebijaksanaan** pemimpin yang mengutamakan rundingan, **permuafakatan** dan tolak ansur telah membolehkan kemerdekaan dicapai tanpa pertumpahan darah.

Selain itu, sifat **diplomasi** dalam kalangan rakyat dan pemimpin berjaya **menyatupadukan** penduduk negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum.

**Harapan**

Semua kaum perlu **berkongsi secara bijak** dalam bidang politik, ekonomi dan sosial bagi **memperkuh** pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang sejahtera.

Perkongsi bijak ini dapat mengelakkan daripada **perbalahan** antara kaum. Oleh itu, perbezaan warna kulit, bahasa, agama, dan budaya hendaklah diketepikan demi keamanan dan pembangunan negara yang **mampan**.